

**PERSEPSI MASYARAKAT DI KAMPUNG GELANG
MAS, PASIR MAS, KELANTAN TERHADAP ALAT
MUZIK REBANA UBI**

SITI HAJAR BINTI ABDUL HALIM

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2024



**PERSEPSI MASYARAKAT DI KAMPUNG GELANG MAS, PASIR
MAS, KELANTAN TERHADAP ALAT MUZIK REBANA UBI**

OLEH

**SITI HAJAR BINTI ABDUL HALIM
C20A1598**

Projek Penyelidikan yang dikemukakan ini untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT

Dari tarikh _____ sehingga _____
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhadap yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Tandatangan Penyelia

Nama: Siti Hajar binti Abdul Halim

No. Kad Pengenalan: 000706-04-0494

Tarikh: 20 Februari 2024

Nama Penyelia: Prof. Madya Khairil Anwar Dean

bin Kamarudin

Tarikh: 20 Februari 2024

Penghargaan

Terlebih dahulu, saya ingin panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi telah melimpahkan rahmat dan nikmat yang tidak terhingga dari segi masa, kefahaman, dan tenaga yang telah dianugerahkan kepada saya sehingga mampu menyiapkan penyelidikan hasil penulisan saya sendiri. Tambahan lagi, projek penyelidikan ini juga merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sesi 2024.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih dirakamkan kepada Prof. Madya Khairil Anwar Dean bin Kamarudin atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tugas ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh beliau selaku penyelia projek penyelidikan saya yang telah banyak membantu dalam menjayakan untuk menghasilkan penulisan kajian ini. Saya amat menghargai kesabaran Prof. Madya Khairil Anwar Dean yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi serta cepat dalam memberikan tindakan semasa sesi konsultasi sepanjang kajian ini dijalankan.

Selain itu, sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih turut saya tujukan kepada arwah bapa saya iaitu Abdul Halim bin Thamdon dan ibu saya Siti Fatimah binti Mat Noor serta ahli keluarga yang telah turut sama membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menyiapkan kajian ini. Segala sokongan moral, fizikal, mental dan kewangan yang telah diberikan sangat membantu dalam meneruskan kajian ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut memberi sokongan dari segi moral dan mental dalam menjana idea-idea dan tidak berkira

berkongsi maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menjayakan kajian ini. Semoga penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada semua. Sekian.



**PERSEPSI MASYARAKAT DI KAMPUNG GELANG MAS, PASIR MAS,
KELANTAN TERHADAP ALAT MUZIK REBANA UBI**

Abstrak

Tugasan ini merupakan satu kajian tentang alat muzik tradisional Rebana Ubi yang merupakan lambang atau identiti bagi masyarakat Kelantan terutamanya dalam seni hiburan.. Negeri Kelantan Darul Naim sememangnya mempunyai pelbagai budaya dan mempunyai pelbagai jenis warisan dimana salah satu warisan tersebut adalah alat ensemble muzik Rebana Ubi yang dimainkan oleh 12 orang hingga 16 orang pemuzik. Warisan alat muzik Rebana Ubi ini mempunyai sejarah yang tersendiri sehingga Rebana Ubi dikategorikan sebagai salah satu warisan tidak ketara yang unik dan masih kekal dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat di negeri Kelantan. Di dalam kajian ini, terdapat beberapa aspek yang telah diteliti antaranya kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi. Kajian ini turut memfokuskan peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi. Dalam hal ini, terdapat juga beberapa kaedah yang telah dikenalpasti untuk mengkaji kaedah penghasilan alat muzik Rebana Ubi.

Kata Kunci: Alat Muzik Membranofon Melayu, Rebana Ubi, Pergendangan Melayu,
Kesenian Kelantan

**THE COMMUNITY'S VIEW ON THE REBANA UBI MUSIC INSTRUMENT
IN GELANG MAS VILLAGE, PASIR MAS, KELANTAN**

Abstract

This project is a study of the traditional musical instrument Rebana Ubi, which serves as a symbol or identity for the Kelantan community, particularly in the entertainment arts. The state of Kelantan Darul Naim contains diverse cultures and different forms of heritage, one of which is the Rebana Ubi musical ensemble, which is played by 12 to 16 musicians. The Rebana Ubi musical instrument has its own history, thus it is classified as one of the intangible heritages that are distinct and still exist within the community, specifically the population in the state of Kelantan. Many parts of this study have been studied, including the significance of conserving the musical instrument Rebana Ubi. This research additionally looks at the role of stakeholders in the preservation of Rebana Ubi. In this regard, there are several approaches that have been shown to examine the producing procedure of Rebana Ubi musical instruments.

Keywords: Malay Membranophone Musical Instrument, Rebana Ubi, Malay
Drumming, Kelantan's Art

ISI KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|---|------------------|
| PERAKUAN | i |
| PENGHARGAAN | ii - iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| ISI KANDUNGAN | vi - viii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI RAJAH | x |
| SENARAI CARTA PAI | xi |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.0 Pengenalan | 1-3 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 3-5 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 5-8 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 8 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Skop Kajian | 9-10 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 10-12 |
| 1.7 Penutup | 12 |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN | |
| 2.0 Pengenalan | 13-14 |
| 2.1 Sejarah Perkembangan Gendang di Malaysia | 14-16 |
| 2.2 Jenis Rebana di Kelantan | 16-18 |
| 2.3 Rebana Ubi | 18-20 |

| | | |
|--------------|---|-------|
| 2.4 | Kepentingan Pemeliharaan Alat Muzik | 21-23 |
| 2.5 | Peranan Pihak Berkepentingan Memelihara Alat Muzik | 23-26 |
| 2.6 | Penghasilan Alat Muzik | 26-28 |
| 2.7 | Kerangka Teori Kajian | 28-31 |
| 2.7.1 | Teori Estetika | |
| 2.8 | Kesimpulan | 31 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.0 | Pengenaalan | 32 |
| 3.1 | Pendekatan Kajian: Kaedah Campuran | 33-35 |
| 3.1.1 | Pendekatan Kualitatif | |
| 3.1.2 | Pendekatan Kuantitatif | |
| 3.2 | Kaedah Pengumpulan Data | 36-43 |
| 3.2.1 | Data Primer | |
| | i) Pemerhatian | |
| | ii) Temu Bual | |
| | iii) Kaedah Tinjauan | |
| 3.2.2 | Data Sekunder | |
| | i) Kaedah Kepustakaan | |
| | ii) Sumber Internet | |
| 3.3 | Persampelan dan Responden Kajian | 43-4 |
| 3.3.1 | Kaedah Persampelan Bertujuan | |
| 3.4 | Analisis Data | 46-47 |
| 3.4.1 | Analisis Deskriptif | |
| 3.4.2 | Analisis Tematik | |

| | | |
|-----------------|---|----------|
| 3.5 | Penutup | 48 |
| BAB 4 | ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN | |
| 4.0 | Pengenalan | 49-50 |
| 4.1 | Demografi Responden | 50-58 |
| 4.2 | Kepentingan Memelihara Alat Muzik Rebana Ubi | 58-78 |
| 4.3 | Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Memelihara Rebana Ubi | 79-91 |
| 4.4 | Penghasilan Alat Muzik Rebana Ubi | 91-104 |
| 4.5 | Penutup | 104-105 |
| BAB 5 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | |
| 5.0 | Pengenalan | 106 |
| 5.1 | Rumusan Bab | 106-108 |
| 5.2 | Cadangan Mengekalkan Dan Melestarikan Rebana Ubi Untuk Generasi Akan Datang | 108-113 |
| 5.3 | Penutup | 113-114 |
| LAMPIRAN | | 115 |
| RUJUKAN | | 116-118 |

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 Latar Belakang Informen Kajian.
- Jadual 4.1 Jantina Responden.
- Jadual 4.2 Umur Responden
- Jadual 4.3 Taraf Pendidikan Tertinggi Responden
- Jadual 4.4 Pekerjaan Responden
- Jadual 4.5 Bangsa Responden
- Jadual 4.6 Pemahaman Responden Terhadap Rebana Ubi
- Jadual 4.7 Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Memelihara Alat Muzik Rebana Ubi.
- Jadual 4.8 Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Memelihara Rebana Ubi
- Jadual 4.9 Label Setiap Komponen Yang Terdapat Dalam Rebana Ubi
- Jadual 4.10 Senarai Bahan Mentah.

SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 Peta Lokasi
- Rajah 2.1 Rebana Ubi
- Rajah 4.2 Penghasilan Kulit Rebana Ubi
- Rajah 4.3 Pembuatan Temelang Permukaan Atas
- Rajah 4.4 Pembuatan Temelang Permukaan Bawah
- Rajah 4.5 Ukuran Kayu Baji dan Baji Anak

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI CARTA

- Carta Pai 4.1 Peratusan Jantina Responden
- Carta Pai 4.2 Peratusan Umur Responden
- Carta Pai 4.3 Peratusan Taraf Pendidikan Responden
- Carta Pai 4.4 Peratusan Pekerjaan Responden
- Carta Pai 4.5 Peratusan Bangsa Responden



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terletak di benua Asia Tenggara yang meliputi Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Borneo. Negara Malaysia amat terkenal dengan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Misalnya, kaum Melayu, kaum Cina, kaum India, kaum Iban, dan lain-lain lagi. Secara tidak langsung, negara Malaysia dikelilingi dengan pelbagai nilai-nilai seni dan kebudayaan yang unik daripada kaum majoriti dan kaum minoriti. Setiap kebudayaan bagi kaum Melayu di Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu, mempunyai warisan yang tersendiri. Salah satu daripada seni tersebut adalah alat muzik. Alat muzik adalah salah satu daripada seni kebudayaan yang dikategori sebagai seni persembahan. Tanpa kehadiran seni muzik, maka kelangsungan kehidupan dan dunia Seni Warisan Melayu tidak membawa apa-apa makna.

Robert Redfield (1959) berpendapat bahawa alat muzik bermula daripada tradisi kecil yang tersebar secara meluas melalui bentuk lisan di kawasan desa. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana alat muzik tersebar apabila orang yang mendengar atau melihat alat muzik tersebut akan menceritakan kepada orang lain terhadap alat muzik tersebut.¹ Selain itu, Edgard Varèse (1966) di dalam penulisannya pula mendefinisikan bahawa

¹ Redfield, R. (1962). *Human nature and the study of society* (pp. 231–253). Chicago & London.

muzik merupakan bunyi atau irama yang tersusun dan muzik adalah sesuatu perkara yang dianggap hidup dan tidak terbatas.² Menurut Mohd. Taib Osman (1984), menerangkan bahawa muzik adalah sesuatu perkara yang melengkapkan budaya sesuatu kaum yang telah terhasil sejak beberapa abad yang lalu.³ Dalam erti kata yang lain, alat muzik adalah sebuah perkakas hiburan yang telah diciptakan oleh manusia sehingga menentukan identiti budaya sesebuah masyarakat di Malaysia.

Menurut Sachs-Hornbostel di dalam penulisannya yang bertajuk “*Zeitschrift fur Ethnologie* (1914) ⁴berpendapat bahawa alat muzik membranofon merupakan salah satu daripada empat kumpulan alat muzik. Alat-alat muzik daripada kumpulan membranofon ini akan menghasilkan bunyi apabila membran atau permukaan kulit yang ditegangkan pada badan alat muzik tersebut dipalu oleh manusia. Alat muzik membranofon boleh dijumpai di dalam setiap budaya bagi etnik masyarakat sama ada dalam negara mahupun luar negara. Di Malaysia, alat muzik membranofon terbahagi kepada sub-kumpulan yang lebih kecil. Setiap sub-kumpulan kecil ini dibezakan berdasarkan jumlah permukaan kulit yang ada. Antara sub-kumpulan yang boleh dijumpai adalah gendang satu muka dan gendang dua muka. Gendang satu muka ini terdiri daripada temelang yang berongga dengan satu permukaan kulit yang direnggang. Gendang ini akan dipalu dengan tangan atau kayu

² Varèse, E., & Wen-chung, C. (1966). *The Liberation of Sound* (No. 1 (Autumn - Winter), Vol. 5, pp. 11–19). *Perspectives of New Music*

³ Mohd. Taib Osman. (1988). *Bunga Rampai, Aspects of Malay Culture* (p. 208). Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴ Berliner. (1869). *Zeitschrift für Ethnologie*.

untuk menghasilkan bunyi. Misalnya, sub-kumpulan gendang ini terdiri daripada Rebana Ubi, Kompang, Gedombak, dan Geduk. Gendang dua muka pula adalah gendang yang mempunyai dua permukaan kulit dan temelang yang tidak berongga. Gendang dua muka ini kebanyakannya dimainkan dengan cara pemuzik memangku gendang tersebut. Contoh gendang dua muka adalah Jidur dan Gendang.

Negeri Kelantan, yang terletak di timur laut Malaysia, dikenali sebagai “tempat lebur budaya budaya Melayu”. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang mendominasi pelbagai warisan budaya. Warisan ketara dan tidak ketara Kelantan dikenali bukan sahaja kerana sifatnya yang unik, tetapi juga kerana seni tradisi Melayu yang realistik. Tahap kreativiti yang tinggi dalam kalangan masyarakat di Kelantan mengakibatkan masyarakat di negeri tersebut telah menghasilkan alat muzik Rebana Ubi. Alat muzik yang dimainkan secara ensemble ini mempunyai rupa bentuk yang besar dan bulat sehinggakan alat muzik etnik tersebut diangkat sebagai salah satu produk budaya masyarakat. Sungguhpun begitu, dalam menuju arus pembangunan dan pemodenan kini, tradisi seni muzik Rebana Ubi yang menjadi titik peradaban bangsa Melayu semakin hilang nilainya dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

1.1 Latar Belakang Kajian

Alat muzik tradisional Rebana Ubi merupakan alat muzik kategori membranofon yang telah dihasilkan sekitar tahun 1890-an.

Alat muzik yang menghasilkan bunyi melalui pukulan menggunakan

tangan atau kayu pemukul pada permukaan kulit gendang ini dijumpai di Pantai Timur Malaysia iaitu Negeri Kelantan Darul Naim. Berdasarkan Pauline Fan (2014) di dalam penulisan *Powered by The Beat of Rebana Ubi* berpendapat bahawa perkataan 'Rebana' berasal dari sebuah perkataan Arab iaitu Rabbana. Perkataan Arab ini membawa maksud sebagai 'Tuhan Kami'. Dalam erti kata yang lain, dapat dilihat bahawa alat muzik Rebana Ubi mempunyai pengaruh dari Arab dengan penggunaan diksi Bahasa Arab.

Pada asalnya, alat muzik Rebana Ubi dikatakan telah dibawa oleh masyarakat Arab yang berhijrah ke Tanah Melayu akibat daripada Tanah Melayu yang merupakan gelanggang kepelbagaian serta pusat tumpuan perdagangan. Rebana Ubi yang dibawa bersama oleh pedagang Arab berupaya sebagai sebuah medium komunikasi masyarakat harian di Tanah Melayu. Bunyi yang dihasilkan dari paluan rebana tersebut terdiri daripada pelbagai nada dan rentak yang membolehkan masyarakat setempat memahami setiap rentak atau nada yang dihasilkan. Fakta ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan Ab. Aziz Shuaib (2013) di dalam penulisannya, *The Kelantan Traditional Arts as Indicators for Sustainability: An Introduction to its Genius Loci*.

"Rebana is used for a long-distance communication amongst member of the community. Rebana is generally played on a hillside and with a

distinctive tempo”, (Ab. Aziz Shuaib, 2013).⁵

Seiring dengan peredaran zaman, Rebana Ubi digunakan bertujuan untuk hiburan dan upacara tertentu seperti upacara perkahwinan, kematian, dan sebagainya. Malah, muzik Rebana Ubi kebiasaannya akan dimainkan secara beramai-ramai semasa pesta padi. Berdasarkan Matusky, P. & Tan Sooi Beng (2017) di dalam penulisan *The Music of Malaysia*, berpendapat bahawa Rebana Ubi adalah sesuatu seni persembahan kategori seni muzik yang digunakan semasa pesta keramaian dan sebuah pertandingan antara penduduk kampung selepas upacara penanaman padi. Rebana Ubi berfungsi sebagai alat muzik untuk memeriahkan lagi suasana bagi pertandingan tersebut.⁶ Dapat dilihat bahawa permainan alat muzik Rebana Ubi boleh digunakan dalam pelbagai situasi lebih-lebih lagi pada musim perayaan tertentu bagi menaikkan lagi semangat masyarakat setempat dengan adanya paluan yang kuat secara besar-besaran.

1.2 Permasalahan Kajian

Alat muzik merupakan salah satu warisan tidak ketara sehingga ke hari ini. Perkembangan alat muzik adalah sama seperti perkembangan aktiviti perdagangan masyarakat pada zaman dahulu. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana alat muzik turut dijadikan sebagai barang dagangan oleh pedagang-pedagang dari China, Arab,

⁵ Ab. Aziz Shuaib, & Folasayo Enoch Olalere. (2013). *The Kelantan Traditional Arts as Indicators for Sustainability: An Introduction to its Genius Loci*. 93.

⁶ Matusky, P., & Tan Sooi Beng. (2017). *The Music of Malaysia* (pp. 222–224). Taylor & Francis.

mahupun India secara meluas di sekitar alam Melayu. Salah satu alat muzik warisan tidak ketara yang telah dikenal pasti adalah Rebana Ubi di Kelantan. Oleh hal yang demikian, (Pauline Fan, 2014) berpendapat bahawa alat muzik Rebana Ubi dikatakan sebagai sebuah alat muzik dari negara Timur Tengah yang dibawa masuk oleh pedagang Arab ke Tanah Melayu. Maka, perkembangan alat muzik Rebana Ubi ini telah memberikan impak terhadap kehidupan harian masyarakat setempat.

Rebana Ubi dijadikan sebagai medium hiburan oleh masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Buktinya, masyarakat Melayu pada zaman dahulu akan memainkan alat muzik Rebana Ubi semasa pesta menuai padi secara besar-besaran bagi naikkan semangat serta memeriahkan lagi suasana. Bukan itu sahaja, akibat daripada bunyi yang terhasil adalah kuat ketika dipalu, Rebana Ubi turut dijadikan sebagai alat bagi menandakan masuknya waktu solat bagi kaum muslim di Tanah Melayu.

Sungguhpun begitu, dalam menuju arus pemodenan kini alat muzik Rebana Ubi mengalami ancaman yang besar. Masalah ini berpunca daripada ketidak prihatinan masyarakat terhadap alat muzik tradisional tersebut di sekitar Kampung Gelang Mas, Kelantan. Hal ini dikatakan sebegitu adalah kerana penduduk kampung tersebut kurang mengetahui kepentingan dalam memelihara alat muzik Rebana Ubi. Perkara sebegini telah menjejaskan bilangan atau populasi kumpulan Rebana Ubi. Buktinya, hanya terdapat sebuah kumpulan sahaja yang

terlibat dalam alat muzik tradisional Rebana Ubi sungguhpun alat muzik tradisional tersebut telah wujud sejak beberapa dekad yang lalu.

Tambahan pula, perubahan perkembangan gaya hidup yang lebih moden mengakibatkan masyarakat di Kampung Gelang Mas lebih mengutamakan budaya luar berbanding budaya di kampung sendiri. Sebagai contoh yang telah dikenal pasti, golongan muda di Kampung Gelang Mas lebih cenderung untuk bermain alat muzik moden seperti drum berbanding alat muzik tradisional seperti Rebana Ubi. Alat muzik moden seperti drum dikatakan lebih menarik dan tidak ketinggalan zaman. Secara tidak langsung, perkara ini akan menjejaskan kewujudan alat muzik Rebana Ubi dalam kalangan generasi pada masa akan datang. Masalah ini mengakibatkan alat muzik Rebana ini perlu dipelihara oleh pihak berkepentingan sebelum alat muzik tersebut berada diambang kepupusan.

Bukan itu sahaja, pendigitalan maklumat yang lebih spesifik mengenai alat muzik Rebana Ubi amat terhad. Hal ini kerana, dokumentasi bagi penghasilan Rebana Ubi di media sosial amatlah kurang sehinggakan sukar untuk dijadikan sebagai sebuah bahan rujukan. Perkara ini akan menyukarkan pengkaji akan datang dalam menghasilkan kajian mereka berkaitan alat muzik tradisional Rebana Ubi. Malah, kurangnya pendigitalan maklumat dalam pembuatan alat muzik Rebana Ubi secara tidak langsung mendatangkan impak yang negatif terhadap generasi muda di Kampung Gelang Mas. Golongan

muda zaman kini lebih mendominasi penggunaan platform media sosial. Kurangnya pendigitalan maklumat dalam penghasilan Rebana Ubi ini akan memberikan kesan dimana golongan muda di Kampung Gelang Mas tidak didedahkan dengan lebih mendalam terhadap alat muzik Rebana Ubi.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan yang berkait rapat dengan tajuk kajian. Antaranya:

1. Apakah kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi.
2. Apakah peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi.
3. Apakah pecahan penghasilan yang terdapat di dalam alat muzik Rebana Ubi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi.
2. Menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi.
3. Mengkaji penghasilan alat Muzik Rebana Ubi.

1.5 Skop Kajian



Rajah 1.1: Peta Lokasi Skop Kajian (Kampung Gelang Mas, 17010 Pasir Mas, Kelantan)

Secara dasarnya, negeri Kelantan merupakan negeri ke-4 terbesar di Semenanjung Malaysia yang mempunyai 11 daerah antaranya daerah Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok, Tanah Merah, Pasir Putih, Kuala Krai, Machang, Gua Musang, Jeli, dan Lojing. Maka, pengkaji telah menghadkan skop kajian dengan menentukan kawasan kajian. Kawasan kajian yang telah ditentukan adalah di Kampung Gelang Mas, 17010 Pasir Mas, Kelantan.

Pengkaji mendapati bahawa terdapat sekumpulan penggiat seni yang masih aktif dalam permainan alat muzik Rebana Ubi sehingga kini. Malah terdapat juga adi guru yang mahir dalam pembuat alat muzik tersebut. Hal ini memudahkan pengkaji untuk memperolehi

maklumat mengenai elemen dan cara pembuatan Rebana Ubi secara langsung daripada individu yang mahir dalam alat muzik tradisional Rebana Ubi. Pengkaji turut memberikan penekanan skop kajian terhadap masyarakat sama ada golongan belia mahupun tua yang tinggal di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan sebagai sebuah ruang lingkup kajian muzik Rebana Ubi. Hal ini membantu pengkaji dalam mendapatkan data berdasarkan ketiga-tiga objektif kajian ini.

Oleh itu, pengkaji telah menghadkan kawasan kajiannya di Kampung Gelang Mas, 17010 Pasir Mas, Kelantan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dihasilkan adalah untuk memahami kepentingan dalam memelihara alat muzik Rebana Ubi yang terdapat di Kelantan, memahami peranan pihak berkepentingan dalam pemeliharaan muzik Rebana Ubi, dan memahami pecahan penghasilan alat muzik etnik Rebana Ubi khususnya di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan. Hal ini merangkumi individu, masyarakat, dan pihak berkepentingan.

i) Individu

Melalui kajian ini, individu yang terdiri daripada golongan muda akan bergiat dengan lebih aktif terhadap permainan alat muzik tradisional Rebana Ubi. Secara tidak langsung, negeri Kelantan khususnya daerah Pasir Mas mampu melahirkan kumpulan cilik Rebana Ubi yang terdiri daripada

golongan remaja. Hal ini kerana golongan muda mula mendapat kesedaran terhadap kepentingan dalam pemeliharaan Rebana Ubi.

ii) Masyarakat

Tambahan pula, alat muzik tradisional Rebana Ubi yang dipelihara oleh pihak berwajib mampu menyumbang kepada sektor industri kecil dan sederhana (IKS) di sekitar Kampung Gelang Mas. Misalnya, pelancong mula melawat kawasan di sekitar Kampung Gelang Mas bagi menyaksikan permainan alat muzik Rebana Ubi secara langsung. Maka, alat muzik ini mampu menjadikan kampung tersebut sebuah pusat pelancongan.

iii) Institusi Tinggi

Kajian ini mampu membantu pengkaji lain memperolehi maklumat yang tepat mengenai setiap alat muzik Rebana Ubi. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, pengkaji akan mengkaji pecahan penghasilan alat muzik ini secara terperinci.

Tambahan pula, proses penghasilan alat muzik Rebana Ubi memberikan pendedahan atau ilmu baharu kepada generasi muda di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan.

Pendekatan kualitatif seperti kaedah temubual mahupun pemerhatian terhadap pembuatan alat muzik Rebana Ubi memberikan impak yang positif terhadap sistem pendidikan

generasi muda di kampung tersebut.

1.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, alat muzik tradisional Rebana Ubi haruslah dijaga sebaik mungkin agar nilai estetika alat muzik tersebut akan terus terpelihara. Malah sikap yang proaktif dalam memartabatkan seni warisan budaya Melayu mampu mengelakkan seni muzik Rebana Ubi diancam kepupusan untuk dimainkan oleh generasi akan datang.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan kajian semula terhadap penyelidikan baharu yang dilaksanakan terhadap maklumat yang diperolehi daripada sumber sekunder seperti jurnal, buku, dokumen, dan penyelidikan yang lepas. Sorotan kajian dilaksanakan oleh pengkaji dalam memastikan penyelidik lain telah menjalankan kajian yang dirancang.

Oleh hal yang demikian, kajian literatur bertujuan untuk mengelakkan pengkaji menghasilkan sebuah kajian yang sama seperti kajian terdahulu oleh pengkaji lain dengan menambah baik mahupun memperbaiki kelemahan kajian terdahulu. Kajian literatur bukan sahaja menentukan tahap persetujuan penyelidik dalam penyelidikan yang akan dihasilkan. Malah, kajian literatur membantu penyelidik dalam memberikan panduan terhadap reka bentuk kajian dan memperolehi maklumat bagi kajian lanjutan berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji lepas.

Berdasarkan kajian pengkaji iaitu Persepsi masyarakat di kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan terhadap alat muzik rebana ubi, pengkaji telah mencari dan memperolehi tinjauan literatur sebagai kerangka untuk kajian lanjutan. Bukan itu sahaja, kajian literatur membantu pengkaji mendapatkan maklumat tambahan yang diperlukan untuk membuat kajian

baharu. Oleh hal yang demikian, kajian literatur amatlah penting dalam sebuah kajian agar kajian yang ingin dihasilkan dapat menjadi tunjuk ajar kepada pengkaji pada masa akan datang.

2.1 Sejarah Perkembangan Gendang di Malaysia

Menurut Curt Sachs (2010)⁷ di dalam penulisannya iaitu *The History Of Musical Instruments*, alat muzik gendang adalah sebuah alat muzik tradisional yang boleh dijumpai di Malaysia. Gendang ini lebih dikenali sebagai Gendang Dongson dimana ia diperbuat daripada gangsa. Adnan Jusoh (2014) di dalam karyanya bertajuk “Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal-usul dan Signifikan berpendapat bahawa terdapat lapan buah gendang Dongson yang telah dijumpai di Semenanjung Malaysia. Misalnya, penemuan awal gendang ini telah dijumpai di sekitar Kampung Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang pada tahun 1926 sehinggalah lokasi penemuan terakhir gendang tersebut di Kampung Sungai Sedu, Selangor pada tahun 1996. Perkembangan gendang di Malaysia sejak abad ke-20 ini terhasil daripada masyarakat yang tinggal di persisiran pantai khususnya masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana masyarakat tempatan yang tinggal di persisiran merupakan pelaut yang handal dan akan berdagang dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Pelaut ini kebiasaannya, akan membawa bersama barang yang ingin didagangkan untuk ditukarkan dengan barang-barang dagangan yang lain seperti Gendang Dongson.

⁷ Sachs, C. (2006). *The History of musical instruments*. Dover Publications.

Sungguhpun begitu, setiap gendang yang dijumpai mempunyai motif dan pola hiasan yang berbeza-beza mengikut tahun dijumpai. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, gendang pertama yang dijumpai pada tahun 1926 mempunyai corak dan motif berbentuk segitiga. Gendang pada tahun 1944 pula mempunyai corak motif bulatan bertangen dan segi tiga. Pada tahun 1964 pula, motif dan corak gendang tersebut kelihatan sama seperti gendang pada tahun 1944 tetapi mempunyai motif tambahan iaitu motif haiwan cicak. Manakala gendang pada tahun 1996 pula mempunyai corak dan motif berbentuk abjad huruf 'L' dan abjad huruf 'Z'. Berner Kempers (1988) turut berpendapat bahawa gendang pada zaman dahulu mempunyai fungsi yang tersendiri iaitu dari segi status sosial masyarakat, sebagai sebuah alat muzik, sebagai alat dalam perang, dan sebagai sebuah objek kebudayaan.

“Apabila memperkatakan tentang gendang Dongson, fokus yang paling utama adalah fungsinya dalam kalangan masyarakat. Selain daripada alat muzik, gendang Dongson turut dimainkan semasa majlis pertabalan raja-raja, amalan yang berunsurkan ritual dan pemujaan semangat, memanggil hujan, majlis pengebumian, peperangan, dan simbol status.”,
(Berner Kempers,1988).

Namun, kemunculan golongan tukang dan pengukir adalah

manifestasi daripada kemajuan masyarakat Zaman Logam. Gendang ini tidak lagi diperbuat daripada logam malah diperbuat daripada kayu-kayu di dalam hutan. Sebagai contoh, temelang gendang yang dijumpai pada zaman kini diperbuat daripada pokok Nangka yang diukir dengan motif-motif flora sahaja. Malah, gendang yang dijumpai pada zaman kini mengalami inovasi dari segi jumlah permukaan membran atau kulit yang terdapat pada temelang gendang tersebut.

2.2 Jenis-Jenis Rebana di Kelantan

Berdasarkan kajian akhir “Teknik Pembuatan Rebana Anak Di Tanjung Malim, Perak”, oleh Nurul Aina Anisa binti Mohd Nor (2023). Melalui kajian akhir tersebut, alat muzik rebana anak adalah sebuah alat muzik tradisional yang sering digunakan di dalam persembahan dikir barat. Terdapat beberapa aspek yang telah diteliti antaranya rebana anak sebagai produk yang boleh menjana pendapatan di Tanjung Malim, Perak. Pengkaji turut menganalisis produk rebana anak yang telah dihasilkan oleh pembuat alat muzik di Tanjung Malim, Perak. Buka itu sahaja, kajian akhir ini juga turut memfokuskan proses-proses dalam penghasilan sebuah rebana anak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah primer dan sekunder.

Selain itu, alat muzik rebana kercing adalah sejenis kompang yang mempunyai tiga pasang kercing yang diikat pada temelang dan dipersembahkan oleh penari. (Nursyahirah binti Md Nasir, 2022). Kebiasaannya, kercing pada temelang tersebut diperbuat daripada

logam tembaga. Rebana kercing yang bersaiz kecil ini dimainkan dengan menggunakan satu paluan tangan pada permukaan kulit gendang. Rupa bentuk alat muzik rebana kercing ini kelihatan seperti gendang. Alat muzik tradisional ini berasal dari Tanah Arab dan telah menjadi sebuah seni persembahan kategori alat muzik serta warisan di Malaysia sejak dahulu lagi. Alat muzik ini dibawa oleh pedagang Parsi yang datang berlayar dan bersinggah di sebuah kawasan dikenali sebagai Kampong Laut. Pedagang Parsi tersebut telah mengajar cara bermain alat muzik rebana kercing kepada penduduk sekeliling yang menetap di Kampong Laut. Rebana kercing adalah gendang yang mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi reka bentuk serta cara permainannya. Bukan itu sahaja, penari yang memainkan alat muzik rebana kercing mempunyai pakaian yang tersendiri di mana pakaian tersebut adalah berbeza dengan pakaian bagi penari-penari tradisional yang lain. Misalnya, penari akan mengenakan sebuah penekup dada yang mempunyai maksud tersirat pada setiap jahitan yang dihasilkan.

Di samping itu, menurut Noorazidin, M. N. A., & Raja Halid, R. I. (2023) di dalam penulisan “Rebana Mangkuk Di Kampung Felda Kemahang 3 Tanah Merah Kelantan: Satu Kajian Organologi”. Rebana mangkuk merupakan salah satu warisan yang boleh dijumpai di negeri Kelantan. Rebana mangkuk dipersembahkan sejak beberapa dekad yang lalu. Sungguhpun rebana mangkuk dikategorikan sebagai sebuah seni persembahan yang baharu berbanding seni persembahan seperti makyong dan wayang kulit, rebana mangkuk merupakan identiti

mahupun lambang bagi masyarakat Kelantan di Felda Kemahang 3, Tanah Merah. Rebana mangkuk berasal dari Kampung Lawang, Tanah Merah yang telah dijumpai oleh Encik Yusof Abdullah. Rebana mangkuk adalah sejenis alat muzik pergendangan Melayu yang terdiri daripada satu permukaan kulit. Dalam erti kata yang lain, rebana mangkuk ini adalah sejenis gendang kategori membranofon. Alat muzik ini diperbuat daripada mangkuk seramik tadahan susu getah yang dilabel sebagai baluh rebana. Rebana ini akan dimainkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan. Sungguhpun rebana mangkuk dilihat seperti seakan-akan sama dengan rebana ubi, namun terdapat sedikit perbezaan diantara kedua-dua alat muzik tersebut. Rebana mangkuk menghasilkan bunyi yang lebih nyaring dan tidak begitu kuat disebabkan oleh saiznya yang kecil.

2.3 Rebana Ubi



Rajah 2.1: Rebana Ubi

Sumber: Gomo Kelate Gomo, 2020

Alat muzik tradisional Rebana Ubi merupakan alat muzik kategori membranofon yang telah dihasilkan sekitar tahun 1890-an. Alat muzik yang menghasilkan bunyi melalui puluan tangan mahupun kayu pemukul ini boleh dijumpai di Pantai Timur Malaysia iaitu Negeri Kelantan Darul Naim. Secara umumnya, alat muzik Rebana Ubi mempunyai asal-usul yang berkait-rapat dengan budaya dan transisi masyarakat Islam. Berdasarkan Pauline Fan (2014) di dalam penulisan *Powered by The Beat of Rebana Ubi* berpendapat bahawa perkataan 'Rebana' berasal dari sebuah perkataan Arab iaitu Rabbana. Perkataan Arab ini membawa maksud sebagai 'Tuhan Kami'. Namun, jika dilihat kembali, perkataan "daribani" dalam bahasa arab secara harafiahnya bermaksud "memukul saya". Ini mencerminkan cara memainkan alat muzik Rebana Ubi ini yang secara umumnya perlu menggunakan tangan sebagai pemukul. Terdapat juga alat muzik yang kelihatan seakan-akan dengan Rebana Ubi yang dijumpai di Timur Tengah dan Afrika Utara. Dalam erti kata yang lain, dapat dilihat bahawa alat muzik Rebana Ubi mempunyai pengaruh dari Islam dengan penggunaan diksi Bahasa Arab.

Pada asalnya, alat muzik Rebana Ubi dikatakan telah dibawa oleh masyarakat Arab yang berhijrah ke Tanah Melayu akibat daripada Tanah Melayu merupakan pusat perdagangan antarabangsa pada ketika itu. Rebana Ubi yang dibawa bersama oleh pedagang Arab berupaya sebagai sebuah medium komunikasi masyarakat harian di Tanah

Melayu. Rebana Ubi dikatakan sebuah alat yang digunakan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu untuk tujuan penanda waktu solat bagi orang Islam. Terdapat juga pendapat lain bahawa Rebana Ubi digunakan sebagai alat penaik semangat dalam festival penuaian padi. Sungguhpun rebana ini dikatakan berakar umbi dari Timur Tengah, kehadiran dan kepentingan Rebana Ubi di Asia Tenggara mempamerkan kebolehsuaian alat muzik tersebut merentasi budaya dan wilayah yang berbeza dari masa ke masa.

Bukan itu sahaja, Rebana Ubi adalah gendang yang terbesar dalam sub kategori keluarga membranofon. Berbeza dengan alat muzik gendang yang lain, Rebana Ubi dianggarkan tinggi sebanyak satu kaki dan berdiameter sebanyak 70 cm. Rebana Ubi turut dikatakan sebagai muzik ensemble kerana terdapat enam gendang yang akan digunakan semasa persembahan. Maka, sebanyak 12 orang pemuzik yang akan bermain alat muzik Rebana Ubi bersama rentak irama yang berbeza secara beramai-ramai. Kebiasaannya, golongan tua akan mengetuai persembahan kumpulan Rebana Ubi bagi menghormati adat persembahan tersebut. Masyarakat Melayu di Kelantan percaya bahawa setiap alat muzik tradisional Rebana Ubi mempunyai nama dan semangat yang tersendiri dalam menghasilkan kuasa bunyi yang istimewa untuk mencipta keharmonian dan keseimbangan pada persekitaran sekeliling.

2.4 Kepentingan Pemeliharaan Alat Muzik

Di dalam kajian akhir “Gendang Pahang: Melestarikan Persembahan, Peralatan, dan Penglibatan Generasi Muda” oleh Nurul Syamierah binti Norhisam (2023). Gendang Pahang merupakan sebuah alat muzik tradisional yang dipengaruhi oleh agama Islam. Alat muzik tradisional ini mula dijumpai ketika pemerintahan Raja Jelai. Kewujudan gendang ini pada asalnya dimainkan untuk mengiringi tarian silat. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana bunyi yang dihasilkan daripada paluan gendang ini mampu mengakibatkan gerakan silat dihayati oleh para pesilat semasa pembelajaran silat. Bukan itu sahaja, gendang ini turut dijumpai dalam persembahan Tarian Inai. Di mana gendang ini berfungsi sebagai rentak pembuka dan isyarat dalam menamatkan persembahan tarian tersebut. Penglibatan seseorang individu dalam persembahan gendang ini mampu mengelakkan gendang tersebut diancam kepupusan. Hal ini kerana, individu yang terlibat sama dalam permainan gendang ini akan lebih menghargai alat muzik tradisional ini. Misalnya, individu yang melibatkan diri dalam permainan gendang mahupun pembuatan gendang akan mengetahui nilai tradisi alat muzik tersebut.

Menurut Nurnabilla binti Rosli (2013) dalam kajiannya iaitu “Gambus Sebagai Seni Warisan Yang Perlu Dipelihara”. Kepelbagaian seni warisan muzik ini dapat dilihat apabila setiap negeri mempunyai warisan tersendiri. Hal ini terbukti apabila memperkatakan mengenai alat muzik gambus, masyarakat akan merujuk alat muzik tersebut

berasal dari negeri Johor. Alat muzik gambus merupakan salah satu warisan yang tidak ketara. Gambus adalah sejenis kecapi yang dibawakan dari pedagang Arab ke negeri Johor yang bertali enam. Gambus dikategorikan sebagai alat muzik dari kumpulan kordofon yang mempunyai badan berbentuk separuh buah pear. Pengaruh muzik Barat di Malaysia sekitar abad ke-20 telah menjejaskan perkembangan seni muzik tradisional gambus dalam kalangan generasi muda. Menurut pengkaji, pemeliharaan amat berkait rapat dengan pengekalan. Pengkaji telah mengaplikasikan konsep kepentingan pemeliharaan bersandarkan Burra Charter bagi mengekalkan alat muzik tradisional gambus sebagai identiti masyarakat Melayu di Johor. Oleh itu, terdapat empat jenis pemeliharaan yang telah diperkenalkan dalam Burra Charter. Pengkaji menitik-beratkan pemeliharaan menyeluruh dimana satu nilai dan budaya warisan perlulah diterapkan dan dipraktikkan oleh individu mahupun masyarakat. Misalnya, golongan belia yang mempelajari alat muzik tradisional lebih-lebih lagi alat muzik gambus ini mampu mengelakkan alat muzik tersebut daripada dilanda kepupusan. Malah, golongan belia ini mampu menjadi perintis dalam penyebaran alat muzik tradisional negara Malaysia sehingga ke peringkat global.

Di dalam kajian “Pelestarian Kesenian Kompang Di Sanggar Seni Tapak Budaya Tanjung Uban Kabupaten Bintan Provinsi Kepulauan Riau” oleh Rakasiwi, G., Syeilendra, & Darma, I. E. (n.d.) (2018). Menjelaskan bahawa budaya sering dikaitkan dengan tradisi

yang bersifat turun-temurun dari satu generasi ke generasi yang lain. Melalui kesenian budaya, masyarakat mampu mengungkapkan perasaan secara bebas melalui muzik. Di negara Indonesia, terdapat satu suku Melayu di daerah Tanjung Uban, Kabupaten Bintan mempunyai alat muzik tradisional tersendiri iaitu kompang yang menjadi identiti bagi kaum Melayu tersebut. Alat muzik kompang milik masyarakat Melayu di Tanjung Uban tersebut masih lagi mengamalkan permainan kompang sehingga ke hari ini sungguhpun terdapat berlakunya perubahan dari segi fungsi. Sungguhpun begitu, alat muzik tradisional kompang ini hanyalah dimainkan oleh golongan tua di kampung tersebut berbanding golongan muda akibat daripada teknik bermain kompang yang dianggap susah. Maka pengkaji telah melontarkan beberapa cadangan yang sesuai bagi mengekalkan kewujudan kompang di kampung tersebut. Melalui cara ini, dapat dilihat bahawa kepentingan pemeliharaan alat muzik secara drastik mampu mengatasi masalah golongan muda yang tidak mahir dalam permainan kompang di Tanjung Uban.

2.5 Peranan Pihak Berkepentingan Memelihara Alat Muzik

Selain itu, tesis Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Pemeliharaan Permainan “Gendang” Tradisional Di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan, oleh Zata Alwani Binti Makhtar (2022). Tesis tersebut adalah satu kajian mengenai peranan pihak berkepentingan di dalam memelihara alat muzik tradisional gendang di sebuah kampung yang terletak di negeri Kelantan. Pengkaji turut

memfokuskan kepada kepentingan dalam memelihara alat muzik gendang. Bukan itu sahaja, terdapat beberapa aspek yang telah diteliti antaranya pihak berkepentingan yang bertanggungjawab terhadap usaha pemeliharaan alat muzik tradisional gendang bagi memastikan khazanah dan warisan negara terus terpelihara. Pihak berkepentingan yang terlibat memainkan peranan yang besar dalam pemeliharaan permainan alat muzik gendang. Antara pihak yang terlibat dalam pemeliharaan gendang adalah pihak sekolah, pihak kerajaan, dan pihak badan NGO. Dalam kenyataan yang diketengahkan, pihak NGO seperti penggiat seni bebas sememangnya bertanggungjawab dalam mewarisi cara bermain gendang mahupun cara penghasilan gendang. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, penggiat seni bebas lebih mudah untuk mempelajari keistimewaan gendang akibat daripada mereka yang tidak terikat dengan komitmen yang boleh mengganggu perjalanan aktiviti mereka. Mereka bebas bergerak ke mana-mana sahaja untuk mendalami ilmu pergendangan dan mampu untuk mengajar generasi muda terhadap ilmu gendang tanpa mengira waktu. Melalui cara ini, warisan seni gendang tidak akan ditelan zaman dan dilupakan begitu sahaja oleh generasi baharu.

Dari segi usaha yang boleh dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara permainan alat muzik gendang, terdapat tiga usaha dalam memelihara alat muzik tersebut. Antaranya adalah mengadakan sebuah platform atau medium yang mampu mengajar orang awam dalam penghasilan alat muzik gendang.

Misalnya, siaran langsung bagi aktiviti membuat gendang diadakan secara alam maya supaya masyarakat lebih terdedah dengan cara pembuatan gendang sekali gus mudah untuk diakses melalui cara ini. Selain itu, pihak berkepentingan sewajarnya mengadakan kegiatan kokurikulum yang berkait-rapat dengan alat muzik tradisional di setiap sekolah. Dengan cara ini, terwujudnya sebuah kokurikulum untuk pelajar sekolah di dalam aktiviti pembuatan, cara bermain, dan sebagainya dalam muzik tradisional gendang. Usaha ketiga yang boleh diusahakan oleh pihak berkepentingan dalam memelihara gendang adalah dengan mengadakan pameran secara besar-besaran di muzium. Hal ini mampu memberikan pendedahan ilmu yang baharu secara menyeluruh kepada pengunjung yang telah mengunjungi muzium tersebut.

Zata Alwani Binti Makhtar (2022) turut menjelaskan bahawa gendang adalah alat muzik tradisional yang amat penting dalam persembahan Silat, Makyong, dan Dikir Barat. Alat muzik gendang berasal dari istana dimana gendang ini digunapakai untuk upacara nobat di istana. Gendang adalah sejenis alat muzik kategori membranofon di mana pemuzik perlu memukul permukaan gendang untuk menghasilkan bunyi. Terdapat dua jenis gendang yang boleh dijumpai di Kelantan antaranya Gendang Ibu dan Gendang Anak. Kajian ini turut menumpukan terhadap pemeliharaan alat muzik gendang. Pemeliharaan alat muzik gendang bukan sahaja mampu

memastikan warisan di Malaysia terus kekal malah memberikan ilmu yang baharu kepada generasi akan datang.

2.6 Penghasilan Alat Muzik

Seterusnya, tesis “Kajian Terhadap Alat Muzik Serunai Di Dalam Wayang Kulit Di Kelantan”, oleh Muhammad Firdhaus bin Othman (2021). Melalui tesis tersebut, alat muzik serunai adalah sebuah alat muzik yang menjadi lambang masyarakat Melayu dalam dunia hiburan. Terdapat beberapa aspek yang telah diteliti antaranya jenis-jenis serunai yang boleh dijumpai di Kelantan. Tesis ini turut memfokuskan proses-proses dalam penghasilan alat muzik serunai sekali gus kegunaan serunai dalam persembahan Wayang Kulit Melayu Kelantan. Masyarakat pada zaman dahulu percaya bahawa alat muzik tradisional serunai merupakan sebuah alat muzik yang mencerminkan perasaan pemuzik apabila serunai tersebut dimainkan. Perkara ini menunjukkan bahawa serunai adalah sebuah alat yang amat berkait rapat dengan budaya manusia.

Berdasarkan tesis “Kajian Terhadap Alat Muzik Serunai Di Dalam Wayang Kulit Di Kelantan”, oleh Muhammad Firdhaus bin Othman (2021). Melalui tesis tersebut, terdapat kenyataan mengenai jenis-jenis serunai yang boleh dijumpai di Negeri Kelantan dalam sesebuah persembahan Wayang Kulit Kelantan. Alat muzik serunai kebanyakannya dicipta dalam bentuk yang berpasangan namun mempunyai saiz yang berbeza. Dua jenis serunai yang telah dimainkan

di dalam teater tradisional Wayang Kulit Kelantan adalah Serunai Ibu dan Serunai Anak. Serunai Ibu bukan sahaja mempunyai badan yang lebih panjang malah pic atau nada yang dihasilkan melalui proses meniupan adalah lebih rendah. Serunai Ibu amat sesuai digunakan di dalam wayang kulit untuk menghasilkan muzik-muzik iringan tanpa suara. Serunai Anak pula mempunyai nada yang lebih tinggi. Dalam erti kata yang lain, serunai anak mempunyai bunyi yang lebih nyaring berbanding Serunai Ibu. Serunai Anak sering dimainkan untuk mengiringi vokal pedalang mengikut kisah yang disampaikan.

Turut dinyatakan lagi, muzik tradisional serunai kini mempunyai beberapa pecahan bahagian yang amat penting dalam memastikan serunai tersebut menghasilkan bunyi yang berkualiti tinggi. Antaranya adalah kecompong, batang serunai, mali, penumpu, dan pipit. Kecompong menentukan kekuatan bunyi atau nada yang akan dihasilkan oleh sebatang serunai. Bahagian batang serunai pula memainkan peranan sebagai saluran udara apabila lubang petik ditutup atau dibuka oleh pemuzik semasa pemuzik meniup serunai tersebut. Bukan itu sahaja, mali yang juga dikenali sebagai menali adalah alat penghubung di antara batang serunai dan pipit. Penumpu berfungsi sebagai penghadang di antara pipit dan menali untuk memastikan tahap kelembapan pipit bertambah. Pipit pula bahagian penting dalam memastikan serunai tersebut menghasilkan bunyi yang terletak di bahagian teratas badan serunai. Pipit akan berfungsi dengan amat sempurna jika pipit basah.

Dari segi proses pembuatan serunai, terdapat 14 peringkat dalam penghasilan sebatang serunai. Antara proses pembuatan serunai Wayang Kulit Melayu Kelantan adalah mendapatkan kayu yang sesuai, pemotongan kayu, pembentukan batang serunai, memahat batang serunai, proses menebuk badan serunai, proses kekemasan, proses mewarna serunai, proses pemasangan setiap komponen atau bahagian serunai, dan proses mencuba serunai yang telah dihasilkan. Menurut Hamzah bin Yusof (2022), setiap serunai yang telah dihasilkan perlu dimainkan untuk mendapatkan bunyi yang merdu agar dapat mengekalkan tahap estetika serunai tersebut.

2.7 Kerangka Teori Kajian

Secara dasarnya, kerangka teori kajian merupakan sesuatu model yang berasaskan konsep mengenai urutan logikal yang diaplikasikan terhadap faktor-faktor penting di dalam sesuatu masalah kajian yang telah dikenal pasti. Antara teori yang telah diaplikasikan di dalam kajian ini adalah:

2.7.1 Teori Estetika

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, estetika boleh definisikan sebagai satu aliran falsafah yang mengkaji konsep berkaitan dengan keindahan mahupun objek yang cantik untuk dilihat.⁸ Bernald Bosanquet yang

⁸ Baharom, N. (2005). Estetika. In Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.

merupakan ahli falsafah Inggeris menerangkan bahawa estetika amatlah berkait rapat dengan sesuatu yang indah. Menurut Bosanquet:

“... the term 'aesthetic' was coined with the now-accepted definition in order to distinguish the philosophy of the beautiful as a separate region of theoretical inquiry.”

Manakala maksud estetika di dalam kamus semantik membawa maksud sebagai sesuatu yang indah dan sering dikaitkan dengan perkara yang baik. Berdasarkan keseluruhan definisi yang telah dikemukakan di atas, didapati bahawa nilai estetika bukanlah boleh diukur secara pandangan secara kasar namun turut boleh dirasai di dalam jiwa juga.

Bidang ilmu berkaitan estetika telah dijumpai sejak zaman tamadun Yunani Tua lagi iaitu semasa zaman Plato. Istilah estetika sering diguna pakai sejak abad ke-18 dimana ia dikaitkan dengan falsafah keindahan. Perkataan estetika berasal dari sebuah perkataan Inggeris Yunani iaitu *'Aesthesis'* yang membawa erti sebagai perasaan. Dalam bahasa Arab pula, perkataan estetika dikenali sebagai *'Al-Jamal'*. Al-Jamal bermaksud sesuatu ungkapan perkataan berkait rapat dengan indah. Estetika sering dikaitkan dengan seni antaranya seni muzik mahupun seni reka bentuk bagi sesuatu produk. Teori

estetika boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu perkara yang indah bersifat objektif dan perkara yang indah bersifat subjektif.

Pengkaji mengaplikasikan Teori Estetika kategori Objektif bagi kajian terhadap Rebana Ubi yang dijalankan. Teori ini diaplikasikan bagi mengetengahkan keindahan bagi reka bentuk dan saiz yang boleh dilihat pada Rebana Ubi. Individu lebih-lebih lagi golongan muda di sekitar Kampung Gelong Mas, Pasir Mas, Kelantan kurang berminat dengan alat muzik tradisional Rebana Ubi. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana golongan remaja tersebut lebih tertarik dengan alat muzik Barat berbanding alat muzik tradisional milik masyarakat Melayu. Salah satu faktor alat muzik Rebana Ubi tidak diminati oleh golongan belia adalah disebabkan oleh kurangnya penghayatan nilai estetika terhadap alat muzik tersebut dalam kalangan mereka.

Seperti yang boleh dilihat, reka bentuk bagi Rebana Ubi amatlah besar berbanding alat muzik moden. Maka, alat muzik moden seperti gitar yang bersifat mudah alih senang untuk dibawa ke mana-mana sahaja menjadi pilihan golongan muda berbanding alat muzik tradisional Rebana Ubi. Maka, golongan muda tidak akan merasa terbeban bagi diri mereka untuk membawa alat muzik moden tersebut. Lantaran itu, kelemahan

penghayatan atau minat yang menyeluruh terhadap Rebana Ubi oleh golongan muda menunjukkan keperluan tindakan yang drastik oleh pihak berkepentingan bagi mengatur strategi untuk mewujudkan nilai estetika yang tinggi dalam diri mereka. Dalam pada itu, pihak berkepentingan seharusnya menjana segala idea yang bersesuaian dengan permasalahan terhadap Rebana Ubi iaitu pendigitalan maklumat yang lebih spesifik mengenai alat muzik Rebana Ubi dari segi penghasilannya bagi memperbanyakkan bahan rujukan secara ilmiah. Sehubungan itu, dengan pelaksanaan tersebut membolehkan golongan muda menghayati nilai estetika Rebana Ubi dengan lebih mendalam.

2.8 Kesimpulan

Kesimpulannya bahagian ini menjelaskan tentang kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas. Setiap kajian yang dipilih mempunyai kaitan dengan tajuk kajian iaitu Persepsi Masyarakat di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan Terhadap Alat Muzik Rebana Ubi. Maklumat mengenai kajian lepas tersebut membantu pengkaji mengukuhkan lagi kajian pengkaji.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan sebuah kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini. Pengkaji memilih kaedah campuran atau 'mixed method' bagi mendapatkan data kajian dengan lebih mendalam. Selain itu, bahagian ini mengaplikasikan langkah yang sistematik dalam pengumpulan data, penganalisan maklumat, dan penghasilan kesimpulan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Tambahan pula, metodologi kajian ini membantu pengkaji bagi memperolehi ketepatan maklumat dalam penyelidikan yang telah dijalankan. Di dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan kaedah pengumpulan data yang akan digunakan di dalam kajian ini. Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang telah dikenal pasti antaranya kaedah pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer yang digunapakai adalah temu bual, tinjauan soal selidik, dan pemerhatian. Bagi data sekunder pula, kaedah yang digunakan adalah kajian kepustakaan dan sumber dari laman sesawang. Bukan itu sahaja, bahagian ini turut menghuraikan pendekatan analisis data yang dijalankan oleh pengkaji. Kaedah analisis data membantu pengkaji dalam menganalisis setiap data yang diperolehi sepanjang kajian dijalankan. Misalnya, pengkaji menggunakan analisis tematik bagi data kualitatif manakala analisis deskriptif bagi data kuantitatif.

3.1 Pendekatan Kajian (Kaedah Campuran)

Menurut C.r. Kothari (2004), metodologi kajian merupakan sebuah penyiasatan yang sangat sistematik terhadap kaedah, instrumen, dan strategi yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan penyelidikan bagi mendapatkan pengetahuan. Terdapat tiga pecahan bahagian yang telah dikenal pasti di dalam pendekatan kajian antaranya kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif, dan kaedah campuran (Creswell, 2004). Plano Clark et al. (2004) mendefinisikan bahawa kaedah campuran merupakan sebuah gabungan diantara kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi meningkatkan kedalaman dan keluasan pemahaman, menawarkan pandangan yang lebih relevan terhadap masalah kajian yang kompleks. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih kaedah campuran sebagai pendekatan kajian bagi mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian.

3.1.1 Pendekatan Kuantitatif

Kaedah kajian kuantitatif merupakan sebuah pendekatan bersifat bertujuan dan berlandaskan fakta. Saidi (2019), mendefinisikan kajian kualitatif sebagai kajian yang amat berkait-rapat dengan angka. Oleh hal yang demikian, kaedah kuantitatif melibatkan prosedur penyelidikan yang berbentuk saintifik. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, hasil maklumat yang diperolehi melalui pendekatan kuantitatif boleh dikira.

Mukhid (2021) berpendapat bahawa bagi mendapatkan

hasil data berbentuk statistik mahupun angka, pengkaji perlu melakukan tinjauan, eksperimen atau soal selidik. Kajian kuantitatif terbahagi kepada empat jenis antaranya kajian tinjauan, kajian eksperimental, kajian korelasi dan kajian penyelidikan kausal-perbandingan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dalam mencapai objektif kajian pertama iaitu mengkaji kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, kajian tinjauan deskriptif membantu pengkaji untuk membincangkan sesuatu persoalan secara teratur.

Tinjauan deskriptif membantu pengkaji menganalisis data kuantitatif melalui pengiraan purata dalam jadual skala likert. Soalan tinjauan kajian pula akan dianalisis berdasarkan sisihan piawai. Kaedah pemerolehan data yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui pengedaran borang soal selidik. Data-data yang diperolehi akan dianalisis dan dihuraikan dalam bentuk nombor dengan menggunakan skala likert lima mata seperti skala sangat tidak setuju, skala tidak setuju, skala sederhana, skala setuju dan skala sangat setuju.

3.1.2 Pendekatan Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan kajian yang memfokuskan kepelbagaian kaedah. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana kaedah ini melibatkan pendekatan interpretatif dan

naturalistik terhadap matlamat kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengkaji mengkaji sesuatu dalam persekitaran semula jadi mereka dan fenomena yang diperolehi ditafsir dan difahami seterusnya disebarkan dari segi makna kepada orang ramai (Denzin, 2005). Dalam erti kata yang lain, kaedah kualitatif merupakan sebuah pendekatan kajian di mana maklumat yang diperolehi oleh pengkaji dari seseorang individu dihuraikan dalam ayat.

Kaedah kualitatif terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama dikenali sebagai kajian etnografi. Kajian kualitatif berbentuk etnografi ini merupakan sebuah kajian terhadap budaya, tingkah-laku, dan interaksi sosial bagi sesebuah kaum etnik atau kumpulan masyarakat. Seterusnya adalah kajian kes. Menurut Merriam (2015), kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini adalah kaedah yang digunakan dalam menjalankan penyiasatan yang mendalam dan terperinci terhadap individu, kumpulan, organisasi, mahupun peristiwa-peristiwa tertentu. Kajian kes digunakan dalam menyelidiki situasi yang kompleks dan tidak boleh digeneralisasikan dengan mudah terhadap populasi yang lebih luas. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih kajian kualitatif berbentuk kajian kes kerana kajian ini hanya melibatkan persepsi masyarakat di Kampung Gelang, Pasir Mas Terhadap Rebana Ubi.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah ini terbahagi kepada dua pecahan bahagian. Antaranya data primer dan data sekunder. Kaedah ini diaplikasi oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat yang diperlukan dalam kajian.

3.2.1 Data Primer

Data primer adalah data asal yang diperoleh melalui hasil sumber penyelidikan. Ia merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji sendiri. Terdapat kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, dan kaedah soal selidik di dalam kaedah pengumpulan data primer.

i) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah sebuah kaedah kajian yang melibatkan pengkaji melakukan pemerhatian, mencatat tingkah laku terhadap subjek yang diperhatikan. Kaedah ini dijalankan bagi memahami tingkah laku manusia dan tingkah laku individu atau kumpulan tersebut direkodkan untuk dianalisis. Menurut Kawulich (2012), kaedah pemerhatian terbahagi kepada empat kategori seperti penyelidik sebagai peserta lengkap (complete participant), peserta sebagai pemerhati, pemerhati sebagai peserta dan penyelidik sebagai pemerhati

lengkap (complete observer). Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah pemerhatian jenis pemerhati sebagai peserta (observer as participant) dalam kajian.

Pemerhati sebagai peserta merupakan jenis pemerhatian di mana pemerhati atau pengkaji secara aktif mengikut serta dalam kumpulan masyarakat atau sosial yang dikaji. Namun, pengkaji masih mengekalkan peranannya sebagai seorang pemerhati. Menurut Scott & Medaugh (2017), pemerhatian sebagai peserta ini membolehkan pengkaji berinteraksi secara langsung dengan peserta kajian melalui kaedah temu bual. Kaedah ini dijalankan bagi membantu pengkaji dalam sesebuah memperoleh data yang diperlukan. Oleh itu, pengkaji telah mengunjungi masyarakat Kampung Gelang Mas yang terletak di Pasir Mas, Kelantan bagi membantu pengkaji memenuhi objektif kajian. Selain itu, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam terhadap proses penghasilan alat muzik Rebana Ubi.

ii) Temu bual

Kaedah temu bual adalah kaedah pengumpulan maklumat kajian daripada individu atau kumpulan melalui perbualan. Menurut Jackle et al. (2006), kaedah temu bual boleh dilaksanakan secara bersemuka

mahupun perbualan di telefon. Kaedah temu bual terbahagi kepada dua pecahan bahagian antaranya temu bual kumpulan berfokus dan temu bual mendalam.

Teknik temu bual kumpulan berfokus merupakan kaedah temubual yang melibatkan sekumpulan individu dipilih berdasarkan tajuk atau masalah kajian. Teknik temu bual berkumpulan kebiasaannya dijalankan bagi mengkaji tingkah laku, pandangan, dan idea kumpulan berkenaan terhadap topik kajian. Menurut Patin (2014), teknik temu bual mendalam pula adalah percakapan dua arah di antara pengkaji dan responden. Teknik temu bual mendalam yang dijalankan oleh pengkaji adalah untuk menafsirkan pandangan responden terhadap topik kajian. Malah, teknik temu bual jenis ini turut menafsirkan pandangan setiap responden terhadap perkara yang tidak dapat difahami secara langsung oleh pengkaji.

Maka, pengkaji telah memilih teknik temu bual mendalam sebagai kaedah temu bual bagi mendapatkan maklumat kajian daripada responden. Bagi memperolehi maklumat dalam kajian, pengkaji telah memilih beberapa orang responden untuk di temu bual. Bagi memperolehi maklumat berdasarkan objektif kajian

menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi, pengkaji telah menemu bual individu dari Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan negeri Kelantan (JKKNK) dan Jabatan Warisan Negara (JWN). Bukan itu sahaja, pengkaji telah menemu bual penggiat seni yang bergiat aktif dalam pembuatan alat muzik bagi memperoleh data berdasarkan objektif kajian iaitu mengkaji penghasilan alat muzik Rebana Ubi.

Temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap pihak responden adalah berbentuk separa berstruktur. Misalnya, soalan temu bual yang diajukan terhadap responden telah disediakan oleh pengkaji. Sungguhpun begitu, pihak responden diberikan kebebasan dalam menjawab segala persoalan tanpa mengikut turutan soalan. Temu bual separa berstruktur ini membenarkan pengkaji menyoal pihak responden dengan lebih mendalam. Soalan yang diajukan adalah berbentuk terbuka dan dilaksanakan secara informal. Perkara ini dapat memudahkan pengkaji dalam menyemak dan melakukan pembacaan transkripsi dalam setiap sesi temu bual yang dijalankan. Pengkaji kemudian menganalisis keseluruhan intipati kajian dan mengelaskan mengikut tema kajian. Perkara ini dapat memudahkan pengkaji dalam menganalisis hasil

dapatan kajian bagi mencapai objektif kajian.

iii) Kaedah Tinjauan

Kaedah tinjauan merupakan salah satu teknik dalam pemerolehan data bagi kajian jenis kuantitatif. Menurut Groves et al. (2011), data diperolehi melalui maklum balas setiap individu yang disasarkan berdasarkan soalan yang diberikan oleh pengkaji. Kaedah tinjauan digunakan dalam sesebuah kajian bagi menghurai dan meneroka gerak-geri masyarakat. Selain itu, kaedah ini turut dijalankan bagi memahami sesuatu isu atau fenomena sosial yang telah berlaku dalam kalangan masyarakat (Groves et al., 2011). Bagi memperoleh data yang berkaitan, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian.

Borang soal selidik adalah sebuah set soalan yang dihasilkan oleh pengkaji berdasarkan kesesuaian objektif kajian. Soalan-soalan di dalam borang soal selidik membantu pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan tidak terpesong daripada tujuan asal. Menurut Reja et al. (2003), penggunaan borang soal selidik membantu pengkaji dalam mendapatkan data berkaitan sikap, kepercayaan atau pendapat

individu mengenai sesebuah topik kajian. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik bagi memenuhi objektif kajian iaitu mengkaji kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi.

Borang soal selidik di dalam kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian antaranya bahagian A, B, C, D dan E. Bentuk borang soal selidik yang digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk soalan tertutup. Hal ini dikatakan sedemikian kerana borang soal selidik berbentuk tertutup memudahkan responden untuk menjawab setiap soalan yang diberikan oleh pengkaji. Soal selidik berbentuk tertutup merangkumi soalan berstruktur berserta pilihan jawapan yang tetap. Responden hanya perlu memilih jawapan yang disediakan sahaja.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan skala likert sebagai pilihan jawapan di dalam borang soal selidik. Skala likert merupakan skala psikometrik yang digunakan dalam borang soal selidik tertutup. Menurut Roppa & Rani (2012), skala likert yang digunakan dapat mengukur tingkah laku sosial dalam kalangan masyarakat yang telah dipilih. Malah, skala likert dapat membantu pengkaji bagi memahami pendapat atau

persepsi setiap responden berkaitan penyelidikan. (Joshi et al., 2015). Oleh itu, kajian ini menggunakan skala likert lima mata (sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju, dan sangat tidak setuju) bagi memudahkan responden menjawab soalan-soalan di dalam borang tersebut.

3.2.2 Data Sekunder

Pengkaji turut mengumpulkan data sekunder bagi memperolehi maklumat dalam kajian. Data sekunder adalah data tersedia yang dihasilkan oleh tokoh atau penulis terdahulu (Wahab & Ah, 2016). Data sekunder diperoleh melalui sumber buku, tesis, keratan akhbar dan jurnal. Contohnya, data berkaitan asal-usul gendang Dongson yang diperoleh melalui buku *Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal-usul dan Signifikan*, karya Adnan Jusoh. Pengkaji turut menggunakan kaedah kepustakaan dan sumber internet bagi mendapatkan maklumat lain.

i) Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan tertumpu kepada bahan bacaan dan rujukan seperti buku, akhbar, dan jurnal yang berkaitan dengan tema kajian. Kaedah ini telah digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan maklumat mengenai Rebana Ubi. Selain itu, pengkaji

juga menggunakan kaedah ini untuk mencari maklumat mengenai teori estetika serta lain-lain maklumat yang berkaitan dengan kajian.

ii) Sumber Internet

Pengkaji turut menggunakan sumber internet untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai kajian. Bahan-bahan rujukan seperti tesis, artikel dan jurnal yang dijumpai secara atas talian telah digunakan sebagai maklumat tambahan bagi melengkapkan kajian.

3.3 Persampelan dan Responden

Pensampelan adalah suatu proses dimana pemilihan sampel yang dipilih daripada sebahagian populasi sasaran untuk dijadikan sebagai responden. Kaedah ini dijalankan bagi memperolehi maklumat mengenai sesuatu perkara secara lebih terperinci. Menurut Etikan et al. (2016), kaedah persampelan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah pensampelan kebarangkalian dan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian.

Bagi kaedah persampelan kebarangkalian, kaedah ini merupakan sebuah teknik yang digunakan bagi menjelaskan populasi secara menyeluruh. Kaedah ini terbahagi kepada empat jenis iaitu pensampelan rawak mudah, pensampelan berkelompok, pensampelan sistematik dan pensampelan berstrata. Manakala kaedah persampelan

bukan kebarangkalian melibatkan proses pemilihan sampel berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kaedah ini terdiri daripada empat jenis pensampelan antaranya pensampelan kuota, persampelan bola salji (snowball), persampelan mudah dan persampelan bertujuan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan sebagai kaedah kajian.

3.3.1 Kaedah Persampelan Bertujuan

Kaedah persampelan bertujuan yang dijalankan dalam kajian ini adalah sebuah proses pemilihan sampel berdasarkan pengetahuan pengkaji dan tujuan penyelidikan tersebut. Menurut Etikan et al. (2016), pemilihan sampel yang digunakan adalah berdasarkan ciri- ciri yang sesuai dengan fokus kajian. Ciri-ciri tersebut akan ditentukan sendiri oleh pengkaji. Hal ini kerana, kaedah persampelan bertujuan yang akan digunakan oleh pengkaji membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Senang bagi contoh, sampel yang dipilih terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran berkenaan isu yang dikaji oleh pengkaji. (Rai & Thapa, 2015).

Dalam kajian ini, sampel telah dipilih berdasarkan objektif kajian.

Pengkaji memfokuskan masyarakat di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Hal ini bagi mengkaji kepentingan memelihara alat

muzik Rebana Ubi dalam kalangan masyarakat tersebut. Selain itu, pengkaji juga memfokuskan beberapa individu yang merupakan wakil pihak berkepentingan. Hal ini bagi membantu pengkaji menganalisis mekanisme yang relevan dalam menganalisis peranan pihak berkepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi. Seterusnya, pengkaji turut memfokuskan individu yang mempunyai pengetahuan mengenai Rebana Ubi sebagai sampel kajian. Individu ini terdiri daripada pihak pembuatan alat muzik di Kelantan. Hal ini bagi membolehkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkenaan proses penghasilan alat muzik Rebana Ubi

| Bil. | Kod | Peranan |
|------|------------|--|
| 1. | Informan 1 | Pembuat alat muzik Rebana Ubi |
| 2. | Informan 2 | Tenaga pengajar ASWARA |
| 3. | Informan 3 | Penolong Pengarah Bahagian Pengembangan Seni Budaya, JKKN Kuala Lumpur |
| 4. | Informan 4 | Penduduk Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan |
| 5. | Informan 5 | Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya, JKKN Kuala Lumpur |

Jadual 3.1: Latar Belakang Informan Kajian

Sumber: Kajian Lapangan 2023

3.4 Analisis Data

Analisis data merupakan proses dalam pengolahan dan penyusunan maklumat yang diperoleh dari instrumen kajian. Teknik analisis data ini mempengaruhi kejituan hasil daripada dapatan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Oleh itu, pemilihan dalam teknik penganalisan data adalah penting bagi penghasilan sebuah penyelidikan agar hasil dapatan yang diperoleh memenuhi objektif kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua teknik bagi analisis data antaranya analisis deskriptif bagi menganalisis data kuantitatif dan analisis tematik bagi menganalisis data kualitatif.

3.4.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif adalah sebuah teknik penganalisan data yang digunakan dalam penyelidikan kuantitatif. Menurut Mafaat (2008), teknik ini digunakan oleh seseorang pengkaji untuk memendekkan hasil data yang diperoleh dalam bentuk teks kepada bentuk angka atau grafik statistik. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif untuk mendapatkan purata dan kekerapan data kajian. Analisis data ini telah dilakukan setelah pengkaji mendapatkan data primer daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pihak responden. Analisis ini telah mencapai tahap yang diinginkan

setelah data yang diperoleh dipastikan, disunting dan ditukarkan kepada angka.

3.4.2 Analisis Tematik

Analisis tematik pula merupakan teknik analisis data yang digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif. Teknik yang digunakan oleh pengkaji ini berupaya dalam menganalisis tema terhadap maklumat yang telah diperoleh (Braun & Clarke, 2006). Proses bagi mendapatkan tema tersebut adalah melalui pembacaan data secara berulang. Hal ini bagi memastikan tema yang ditentukan oleh pengkaji mampu menghuraikan sesuatu fenomena (Fereday & Muir-Cochrane, 2006). Analisis tematik ini juga membolehkan pengkaji memahami makna yang terdapat dalam data tersebut.

Bukan itu sahaja, analisis tematik juga merupakan sebuah kaedah analisis data yang bersifat bebas. Maguire & Delahunt (2017) berpendapat bahawa analisis tematik tidak terikat dengan mana-mana perspektif epistemologi atau teori tertentu. Teknik analisis data ini melibatkan tujuh proses iaitu proses transkripsi, proses pembacaan semula, proses penentuan tema, proses pengkodan, proses pemilihan sub-kumpulan, proses triangulasi data, dan proses penghasilan laporan.

3.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, metodologi kajian adalah sebuah alat yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Maklumat-maklumat yang diperoleh telah digunakan dalam memenuhi objektif dan persoalan kajian. Oleh hal yang demikian, penggunaan metodologi kajian yang tepat amat dititikberatkan dalam kajian pengkaji. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, penggunaan metodologi yang tepat amat membantu pengkaji dalam memperoleh pelbagai maklumat terhadap alat muzik tradisional Rebana Ubi.

BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN DAN PERBICANGAN

4.0 Pengenalan

Analisis kajian dan perbincangan merupakan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis dengan lebih terperinci. Pada bahagian ini, kaedah soal selidik telah dijalankan oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat mengenai kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi. Borang soal selidik telah diserahkan kepada seramai 130 orang responden. Borang soal selidik yang terdiri daripada data kuantitatif terbahagi kepada empat pecahan bahagian soalan iaitu bahagian A, B, C, dan D. Bahagian A merupakan soalan demografi responden contohnya jantina dan bangsa. Bahagian B pula merupakan soalan mengenai pemahaman responden terhadap Rebana Ubi. Seterusnya, Bahagian C pula merangkumi soalan yang terdiri daripada persepsi responden terhadap kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi.

Bukan itu sahaja, kaedah temu bual turut dijalankan oleh pengkaji bagi menganalisis maklumat yang terdiri daripada peranan pihak berkepentingan dalam memelihara alat muzik Rebana Ubi. Seramai tiga orang responden yang terdiri daripada badan kerajaan, badan bukan kerajaan, dan institusi pendidikan telah ditemu bual bagi menganalisis objektif kajian. Soalan temu bual yang diajukan oleh pengkaji kepada ketiga-tiga pihak responden terbahagi kepada sepuluh pecahan soalan yang sama. Malah pengkaji turut memperolehi data bagi proses pembuatan alat muzik Rebana Ubi melalui kaedah temu bual.

Lima orang individu telah ditemu bual oleh pengkaji bagi memperolehi data kualitatif mengenai proses yang tepat dalam pembuatan alat muzik Rebayna Ubi. Proses pembuatan alat muzik tradisonal Rebana Ubi ini termasuklah proses. Oleh itu, terdapat tiga tema yang telah dikenal pasti berdasarkan analisis soal selidik dan temu bual yang telah dijalankan. Tema yang pertama merupakan kepentingan dalam memelihara alat muzik Rebana Ubi. Tema seterusnya pula adalah peranan pihak berkepentingan dalam memelihara alat muzik Rebana Ubi. Tema ketiga terdiri daripada proses pembuatan alat muzik Rebana Ubi.

4.1 Demografi Responden


Bahagian A menjelaskan mengenai latar belakang responden. Latar belakang responden terdiri daripada jantina, umur, taraf pendidikan tertinggi, pekerjaan, dan bangsa. Maklumat yang telah diperoleh pada bahagian ini telah dianalisis kepada kekerapan dan peratusan. Data yang diperolehi tersebut dipindahkan dan ditulis di dalam bentuk jadual.

4.1.1 Jantina Responden

| | Kategori | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------------|-----------|-----------|-------------|
| Jantina | Lelaki | 58 | 44.6 |
| | Perempuan | 72 | 55.4 |
| Jumlah Keseluruhan | | 130 | 100 |

Jadual 4.1 : Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Carta Pai 4.1: Peratusan Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Berdasarkan carta pai dan jadual 4.1 menunjukkan seramai 130 orang responden di kawasan kajian telah turut serta dalam tinjauan soal selidik. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 58 orang responden iaitu 44.6% terdiri daripada responden lelaki. Manakala seramai 72 orang iaitu 55.4% pula terdiri daripada responden perempuan. Hasil daripada analisis data kuantitatif mendapati bahawa jumlah bagi responden perempuan adalah lebih ramai berbanding responden lelaki. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana kebanyakan daripada jumlah responden perempuan yang telah mengambil bahagian dalam soal selidik tersebut merupakan suri rumah tangga sepenuh masa. Malah setengah daripada responden perempuan juga merupakan pelajar yang sedang menuntut pelajaran di institusi


pengajian tinggi di sekitar kawasan ibu kota negeri Kelantan iaitu Kota Bharu.

4.1.2 Umur Responden

| | Kategori | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------------|--------------------------|-----------|-------------|
| Umur | Bawah 18 tahun | 11 | 8.5 |
| | 19 tahun hingga 28 tahun | 44 | 33.8 |
| | 29 tahun hingga 38 tahun | 16 | 12.3 |
| | 39 tahun hingga 48 tahun | 24 | 18.5 |
| | 49 tahun hingga 58 tahun | 20 | 15.4 |
| | 59 tahun dan ke atas | 15 | 11.5 |
| Jumlah Keseluruhan | | 130 | 100 |

Jadual 4.2: Umur Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Carta Pai 4.2: Peratusan Umur Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023


Di dalam jadual 4.2 dan carta pai 4.2 merupakan lapisan umur bagi setiap responden yang mengikuti kajian lapangan soal selidik. Terdapat lima pecahan kategori umur yang bermula daripada bawah 18 tahun sehingga 59 tahun dan keatas. Seramai 11 orang iaitu 8.5% yang berumur bawah 18 tahun. Bagi peringkat umur 29 tahun hingga 38 tahun pula adalah seramai 44 orang iaitu sebanyak 33.8%. Bagi responden kategori umur 39 tahun hingga 48 tahun adalah seramai 24 orang bersamaan 18.5%. Manakala bagi kategori umur 49 tahun hingga 58 tahun pula adalah seramai 20 orang responden bersamaan 15.4% yang telah mengikuti kajian lapangan soal selidik. Bagi kategori umur 59 tahun dan ke atas pula adalah seramai 15 orang iaitu 11.5%.

4.1.3 Taraf Pendidikan Tertinggi Responden

| Taraf Pendidikan Tertinggi | Kategori | Kekerapan | Peratus (%) |
|----------------------------|--------------------------------|-----------|-------------|
| | Sekolah Rendah | 11 | 8.5 |
| | Sekolah Menengah | 28 | 21.5 |
| | STPM/Diploma | 36 | 27.7 |
| | Ijazah Sarjana Muda | 49 | 37.7 |
| | Ijazah Sarjana/Doktor Falsafah | 6 | 4.6 |
| Jumlah Keseluruhan | | 130 | 100 |

Jadual 4.3: Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Carta Pai 4.3: Peratusan Taraf Pendidikan Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Bagi jadual 4.3 dan carta pai 4.3 merupakan taraf pendidikan tertinggi responden dalam kajian lapangan soal selidik. Terdapat lima pecahan kategori taraf pendidikan antaranya Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, STPM atau Diploma, Ijazah Sarjana Muda, dan Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah. Seramai 11 orang iaitu 8.5% merupakan responden yang berkelulusan sekolah rendah. Manakala 28 orang iaitu 21.5% responden yang berkelulusan sekolah menengah. Bagi peringkat kelulusan STPM atau Diploma pula adalah seramai 36 orang iaitu 27.7% dan diikuti dengan responden berkelulusan Ijazah Sarjana Muda iaitu berjumlah 49 orang iaitu 37.7%. Manakala bagi peringkat Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah pula adalah seramai enam orang sahaja iaitu sebanyak 4.6%. Hasil daripada analisis diskriptif mendapati bahawa, responden yang mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda adalah paling ramai jumlahnya. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, rata-rata daripada kelompok taraf pendidikan tersebut terdiri daripada golongan pendidik terutamanya pendidik yang mengajar di sekolah rendah di kawasan Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan.


4.1.4 Pekerjaan Responden

| | Kategori | Kekerapan | Peratus (%) |
|--|-----------------|-----------|-------------|
| | Sektor Kerajaan | 11 | 8.5 |

| | | | |
|--------------------|----------------------|-----|------|
| Pekerjaan | Sektor Swasta | 28 | 21.5 |
| | Bekerja sendiri | 36 | 27.7 |
| | Tidak bekerja/pesara | 49 | 37.7 |
| | Pelajar | 6 | 4.6 |
| Jumlah Keseluruhan | | 130 | 100 |

Jadual 4.4: Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Carta Pai 4.4: Peratusan Pekerjaan Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Berdasarkan jadual 4.4 dan carta pai 4.4 menunjukkan seramai 130 orang responden di kawasan kajian telah turut serta dalam tinjauan soal selidik. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 58 orang


responden iaitu 44.6% terdiri daripada responden lelaki. Manakala seramai 72 orang iaitu 55.4% pula terdiri daripada responden perempuan. Hasil daripada analisis data kuantitatif mendapati bahawa jumlah bagi responden perempuan adalah lebih ramai berbanding responden lelaki. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana kebanyakan daripada jumlah responden perempuan yang telah mengambil bahagian dalam soal selidik tersebut merupakan suri rumah tangga sepenuh masa. Malah setengah daripada responden perempuan juga merupakan pelajar yang sedang menuntut pelajaran di institusi pengajian tinggi di sekitar kawasan ibu kota negeri Kelantan iaitu Kota Bharu.

4.1.5 Bangsa Responden

| | Kategori | N | % |
|--------------------|-----------------|----------|----------|
| Bangsa | Melayu | 124 | 95.4 |
| | Cina | 1 | 0.8 |
| | India | 5 | 3.8 |
| Jumlah Keseluruhan | | 130 | 100 |

Jadual 4.5: Bangsa Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Carta Pai 4.5: Peratusan Bangsa Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Jadual 4.5 dan carta pai 4.5 diatas menunjukkan perbezaan bangsa yang dimiliki oleh setiap responden. Terdapat tiga jenis kategori bangsa antaranya bangsa Melayu, Cina, dan India. Berdasarkan tinjauan soal selidik, responden yang terdiri daripada bangsa Melayu merupakan jumlah responden terbesar yang mengikuti kajian lapangan tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, seramai 124 orang iaitu 95.4% merupakan responden berbangsa Melayu. Bagi responden bangsa Cina pula hanyalah seorang responden sahaja bersamaan 0.8%. Bagi responden bangsa India pula adalah seramai lima orang iaitu 3.8%.

4.2 Kepentingan Memelihara Alat Muzik Rebana Ubi

Terdapat dua sub-tema di dalam tema kepentingan memelihara alat

muzik Rebana Ubi. Antaranya pemahaman responden terhadap Rebana Ubi dan persepsi responden terhadap kepentingan memelihara alat Rebana Ubi. Bahagian ini menggunakan skala likert lima mata iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), tidak pasti (3), setuju (4), dan sangat setuju (5).

4.2.1 Pemahaman Responden Terhadap Rebana Ubi

| Pemahaman Responden Terhadap Rebana Ubi | Skala | | | | | | | | | |
|--|-------|------|----|-----|----|------|----|------|-----|------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Peninggalan warisan masyarakat Melayu zaman dahulu | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 6 | 4.6 | 16 | 12.3 | 108 | 83.1 |
| Ukiran pada Rebana Ubi membawa makna tertentu | 21 | 16.2 | 2 | 1.5 | 18 | 13.9 | 31 | 23.8 | 58 | 44.6 |
| Pada awalnya dimainkan oleh masyarakat Melayu sahaja | 0 | 0.0 | 5 | 3.8 | 26 | 20.0 | 30 | 23.1 | 69 | 53.1 |
| Dipengaruhi oleh budaya pedagang dari Tanah Arab | 15 | 11.5 | 10 | 7.7 | 29 | 22.3 | 34 | 26.2 | 42 | 32.3 |
| Ketinggian sekurang-kurangnya 70cm | 1 | 0.8 | 2 | 1.5 | 33 | 25.4 | 32 | 24.6 | 62 | 47.7 |

| | | | | | | | | | | |
|--|----|------|---|-----|----|------|----|------|----|------|
| Turut dimainkan oleh masyarakat di negeri Terengganu | 28 | 21.5 | 2 | 1.5 | 28 | 21.5 | 35 | 26.9 | 37 | 28.5 |
| Menentukan waktu solat agama Islam pada zaman dahulu | 6 | 4.6 | 5 | 3.8 | 36 | 27.7 | 36 | 27.7 | 47 | 36.2 |
| Dua pemuzik diperlukan untuk memalu permukaan Rebana Ubi | 4 | 3.1 | 3 | 2.3 | 24 | 18.5 | 39 | 30.0 | 60 | 46.2 |

4.6: Pemahaman Responden Terhadap Rebana Ubi

Sumber : Kajian Lapangan 2023

Jadual 4.6 menunjukkan pemahaman responden terhadap alat muzik tradisional Rebana Ubi. Terdapat beberapa pecahan soalan yang telah dihasilkan oleh pengkaji bagi mengukur kefahaman responden terhadap Rebana Ubi. Antara soalan yang telah diajukan kepada 130 orang responden adalah Rebana Ubi merupakan alat muzik peninggalan masyarakat dahulu dan ukiran pada Rebana Ubi membawa makna yang tertentu. Selain itu, terdapat juga pecahan soalan seperti alat muzik Rebana Ubi pada awalnya dimainkan oleh masyarakat Melayu sahaja. Pengkaji turut mengukur kefahaman responden terhadap alat muzik Rebana Ubi melalui soalan seperti alat muzik tersebut dipengaruhi oleh budaya pedagang dari Tanah Arab. Tambahan pula, alat muzik Rebana Ubi mempunyai ketinggian mencecah 70cm. Namun, bagi

menguji pemahaman responden terhadap alat muzik Rebana Ubi, pengkaji mengajukan soalan dimana alat muzik Rebana Ubi dimainkan oleh masyarakat di negeri Terengganu walaupun alat muzik tersebut hanya dimainkan oleh masyarakat Kelantan sahaja. Terdapat juga soalan terhadap pemahaman responden mengenai sejarah fungsi bagi alat muzik Rebana Ubi iaitu menentukan waktu solat bagi masyarakat beragama Islam pada zaman dahulu. Malah, terdapat juga pecahan soalan terhadap pemahaman responden mengenai dua pemuzik diperlukan untuk memalu permukaan Rebana Ubi. Pemahaman responden terhadap alat muzik Rebana Ubi dilihat dengan lebih terperinci.

Jadual 4.6 menunjukkan Rebana Ubi sebagai peninggalan warisan masyarakat Melayu zaman dahulu. Seramai 108 orang bersamaan 83.1% sangat setuju dengan pernyataan dimana Rebana Ubi merupakan sebuah alat muzik peninggalan masyarakat zaman dahulu. 16 orang daripada jumlah keseluruhan iaitu 12.3% setuju dengan pernyataan berikut. Namun begitu, terdapat enam orang iaitu sebanyak 4.6% tidak pasti sama ada Rebana Ubi adalah sebuah warisan tidak ketara yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang pada zaman dahulu. Manakala jumlah responden yang memilih skala 1 (sangat tidak setuju) dan skala 2 (tidak setuju) adalah sifar iaitu 0.0%. Dalam erti kata yang lain, majoriti daripada jumlah responden yang mengikuti kajian lapangan temu bual mempercayai bahawa alat muzik Rebana Ubi adalah sebuah peninggalan warisan masyarakat Melayu zaman dahulu.

Oleh itu, pengkaji juga dapat membuktikan bahawa melalui sesi temu

bual bersama penduduk Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan menyatakan

“...Rebana Ubi ni asal usulnya Rebana Dikir. Dia Rebana Dikir ni matlamat persembahan dionyo di tempat kenduri kahwin ataupun, khatan, atau berarak inai. Jadi disitulah timbul Rebana Ubi. Dio cipta Rebana Ubi ni sebab Rebana Dikir ni kalaulah kita kecikkan bermakna kita boleh buat persembahan cara persembahan Rebana Ubi...”

(11, 23 October Kajian Lapangan 2023)

Seterusnya, jadual 4.6 juga menunjukkan seramai 58 orang iaitu 44.6% sangat setuju bahawa ukiran pada rebana ubi membawa makna yang tertentu, manakala 31 orang bersamaan 23.8% setuju dengan pernyataan tersebut. Sungguhpun begitu, seramai 18 orang responden iaitu 13.9% tidak pasti jika ukiran yang terukir pada permukaan alat muzik tradisional Rebana Ubi membawa makna yang tertentu. Selain itu, terdapat dua orang iaitu 1.5% responden tidak setuju ukiran pada Rebana Ubi membawa makna manakala seramai 21 orang responden bersamaan 16.2% sangat tidak setuju bahawa ukiran yang terbentuk pada Rebana Ubi mempunyai maksud yang sebaliknya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat Melayu di daerah Pasir Mas, Kelantan tidak didedahkan dengan lebih mendalam terhadap salah satu alat muzik tradisional yang merupakan salah satu warisan di negeri tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana hanya 23 orang responden sahaja bersamaan 17.7% setuju bahawa ukiran pada Rebana Ubi

tidak membawa apa-apa makna malah ukiran tersebut hanyalah berfungsi dalam mencantikkan rupa bentuk pada permukaan Rebana Ubi sahaja. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan pihak responden daripada Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan di mana:

“ ...dio ukiran ni sebagai hiasan... tidok kato kerana ukiran, suara rebana nyaring buke kerana itu.. Ukire ni pemandangan kecantikan mace pakaian. Bermakna kalau kosong gitu pun boleh ja. Tapi kalau kita ukir tu kita buh corok warno-warni bungo tu kita buat caro mano...aaa mace jawo ko itu atas kemahiran la... cumonyo corak semua tu hiasan ja. Dia takdok sabit denge kualiti suaro.”

(I1, 23 October Kajian Lapangan 2023)

Pernyataan di atas, pengkaji dapat simpulkan bahawa hanya segelintir masyarakat sahaja mempunyai minat dan kesungguhan dalam mempelajari setiap ciri-ciri yang terdapat pada sesebuah alat muzik tradisional.

Selain itu, seramai 69 orang iaitu 53.1% amat setuju dengan pernyataan bahawa Rebana Ubi pada awalnya dimainkan oleh masyarakat Melayu sahaja manakala 30 orang iaitu 23.1% setuju dengan pernyataan tersebut. Namun begitu, seramai 26 orang iaitu 20.0% tidak pasti jika alat muzik Rebana Ubi dimainkan oleh masyarakat Melayu sahaja pada zaman dahulu. 5 orang responden bersamaan 3.8% tidak setuju dengan pernyataan dimana pada awalnya alat muzik tradisional Rebana Ubi dimainkan oleh masyarakat Melayu. Bagi jumlah responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan

tersebut adalah sifar. Dapat disimpulkan bahawa segelintir masyarakat di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan tidak mengambil cakna akan warisan yang unik di kampung tersebut kerana golongan tersebut lebih memilih alat muzik moden yang selaras dengan trend zaman kini. Hal ini dibuktikan kenyataan dari penduduk Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan dimana

“Budak-budak zaman loni memei suko denge alat muzik moden. Kalu tanyo budak mudo memei demo tak tahu la alat muzik rebana ni gapo.... Haaa kalu tanyo bab alat muzik moden memei laju ja demo jawab kenal”

(I4, 27 October Kajian Lapangan 2023)

Oleh itu, pengkaji dapat simpulkan bahawa alat muzik moden lebih terkenal dalam kalangan golongan generasi muda berbanding alat muzik tradisional Rebana Ubi.

Di samping itu, seramai 42 orang iaitu 32.3% sangat setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi dipengaruhi oleh budaya pedagang dari Tanah Arab. Manakala 34 orang daripada jumlah responden 130 orang iaitu sebanyak 26.2% setuju dengan pernyataan pengaruh budaya Arab di dalam alat muzik Rebana Ubi. Seramai 76 orang bersamaan 58.5% percaya bahawa alat muzik Rebana Ubi dibawa oleh pedagang Arab ke Tanah Melayu pada zaman dahulu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, perkataan ‘Rebana’ disama ertikan dengan perkataan arab iaitu ‘Rabbana’ yang membawa maksud

“Tuhan kami”. Sungguhpun begitu, bagi jumlah responden yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut adalah seramai 29 orang iaitu 22.3%. 10 orang responden bersamaan 7.7% tidak setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi berasal dari Tanah Arab. Manakala 15 orang iaitu 11.5% sangat tidak setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi dipengaruhi oleh budaya pedagang dari Tanah Arab. 25 orang bersamaan 19.23% daripada jumlah responden 130 orang setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi bukannya datang dari Tanah Arab tetapi dari Thailand. Hal ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan responden dimana

“Rebana Ub ini dio baharu sikit. Tak mace Rebana Dikir. Ore dulu cipta Rebana Ub ini sebab Rebana Dikir ni kalaulah dikecikkan bermakna kita boleh buat perse,bahan cara persembahan Rebana Dikir. Rebana Ubi ni dia yang hok timbul dulu Thailand pahtu masuk Klate. Loni Rebana Ubi lah paling popular..aaa.. Thailand dio dah nok pupuh. Asal silah situlah”.

(11, 23 Oktober Kajian Lapangan 2023)

Jadual 4.6 juga menunjukkan 62 orang bersamaan 47.7% sangat setuju bahawa ketinggian alat muzik Rebana Ubi adalah sekurang-kurangnya 70cm. Seramai 32 orang iaitu 24.6% setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi adalah 70cm. Namun, 33 orang bersamaan 25.4% tidak pasti dengan pernyataan bahawa ketinggian alat muzik Rebana Ubi adalah sekurang-kurangnya 70cm. Seramai dua orang bersamaan 1.5% tidak setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi mempunyai ketinggian sekurang-kurangnya 70cm. Hanya seorang responden sahaja yang sanagta tidak setuju dengan pernyataan dimana alat

muzik Rebana Ubi adalah 70cm. Alat muzik Rebana Ubi mempunyai ukuran yang berbeza-beza. Namun, diameter maksimum bagi alat muzik Rebana Ubi adalah sebanyak 70cm. Pernyataan tersebut dikukuhkan lagi dengan penerangan responden dimana

“Alat muzik Rebana Ubi ni banyak jenis. Tetapi paling tinggi Rebana Ubi ni boleh cecah 70cm lah atau lebih tepatnya, permukee rebana tu.... akan jadi 27 inci”

(I3, 28 November Kajian Lapangan 2023)

Jadual 4.6 turut menunjukkan bahawa seramai 37 orang iaitu sebanyak 28.5% sangat setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi turut dimainkan oleh masyarakat yang menetap di negeri Terengganu manakala 35 orang bersamaan 26.9% pula setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi bukan sahaja dimainkan oleh masyarakat Kelantan sahaja tetapi juga masyarakat di Negeri Terengganu. Sungguhpun begitu, seramai 28 orang iaitu 21.5% tidak pasti dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi turut dimainkan oleh masyarakat di negeri Terengganu. Dua orang bersamaan 1.5% tidak setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi turut dimainkan oleh masyarakat di negeri Terengganu manakala 28 orang iaitu 21.5% sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi bukan sahaja dimainkan oleh masyarakat Kelantan tetapi turut dimainkan oleh masyarakat Terengganu juga. Seramai 30 orang bersamaan 23.1% daripada jumlah responden 130 orang tidak setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi turut dimainkan oleh masyarakat yang menetap di negeri

Terengganu. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana alat muzik tradisional Rebana Ubi dihasilkan oleh masyarakat Kelantan dan kebanyakannya dimainkan di negeri Kelantan. Rebana Ubi. Secara asasnya, negeri Kelantan dan negeri Terengganu merupakan dua buah negeri yang terletak di pantai Timur. Walau bagaimanapun, setiap negeri mempunyai perbezaan dalam corak seni dan tradisi. Rebana Ubi dihasilkan oleh masyarakat yang mengamalkan hidup bercucuk tanam terutamanya aktiviti menanam padi. Golongan masyarakat ini mencipta sebuah alat muzik yang dikenali sebagai Rebana Ubi untuk menghiburkan diri seusai sahaja mereka menuai padi. Perkara ini dibuktikan lagi dengan kenyataan oleh informen tiga iaitu wakil dari Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) dimana,

“Waktu dulu, masyarakat di Kelantan cipta alat muzik Rebana Ubi untuk dipersembahkan pada waktu lapang selepas menuai padi untuk menghiburkan diri. Lama-kelamaan, perkara sebegini dijadikan sebagai sebuah perayaan atau pesta untuk masyarakat Kelantan. Bermakna individu atau orang yang ada sawah padi, mereka hiburkan diri dengan cara bermain alat muziklah selepas sahaja mereka tuai padi”.

(I3, 28 November Kajian Lapangan 2023)

Jadual 4.6 turut menunjukkan bahawa alat muzik Rebana Ubi digunakan oleh masyarakat pada zaman dahulu bagi menentukan waktu solat agama Islam pada zaman dahulu. Seramai 47 orang bersamaan 36.2% sangat setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi menentukan waktu

solat agama Islam pada zaman dahulu manakala seramai 36 orang iaitu 27.7% pula setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi adalah sebuah medium yang digunakan bagi menandakan waktu solat bagi masyarakat yang menganuti agama Islam pada zaman dahulu. Jadual xx turut menunjukkan bahawa 36 orang bersamaan 27.7% tidak pasti dengan pernyataan dimana alat muzik Rebana Ubi digunakan untuk menentukan waktu solat agama Islam pada zaman dahulu.

Selain itu, jadual 4.6 turut menunjukkan pemahaman responden mengenai dua pemuzik diperlukan untuk memalu permukaan Rebana Ubi. Seramai 60 orang iaitu 46.2% sangat setuju dengan pernyataan bahawa dua pemuzik diperlukan untuk memalu permukaan Rebana Ubi. Bukan itu sahaja, seramai 39 orang iaitu 30.0% setuju dengan pernyataan bahawa seramai dua pemuzik diperlukan untuk memalu Rebana Ubi bagi menghasilkan irama. Walau bagaimanapun, seramai 31 orang atau 23.8% mempunyai pendapat yang berlainan. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana seramai 24 orang atau 18.5% tidak pasti dengan pernyataan bahawa dua pemuzik diperlukan untuk memalu permukaan Rebana Ubi. Malah, tiga orang bersamaan 2.3% tidak setuju dengan pernyataan bahawa jumlah pemuzik yang diperlukan untuk memalu permukaan Rebana Ubi adalah seramai dua orang. Empat responden bersamaan 3.1% pula sangat tidak bersetuju bahawa dua orang pemuzik diperlukan untuk memalu permukaan Rebana Ubi.

4.2.2 Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Memelihara Alat Rebana Ubi

| Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Memelihara Alat Rebana Ubi | Skala | | | | | | | | | |
|--|-------|-----|---|-----|----|------|----|------|----|------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Simbolik masyarakat Melayu di Kelantan | 2 | 1.5 | 0 | 0.0 | 18 | 13.8 | 31 | 23.8 | 79 | 60.8 |
| Kumpulan pemuzik Rebana Ubi semakin berkurang | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 6 | 4.6 | 28 | 21.5 | 96 | 73.8 |
| Bertujuan untuk sukatan pembelajaran golongan belia | 2 | 1.5 | 5 | 3.8 | 24 | 18.5 | 39 | 30.0 | 60 | 46.2 |
| Mengelakkan Rebana Ubi dilanda kepupusan | 0 | 0.0 | 1 | 0.8 | 4 | 3.1 | 38 | 29.2 | 87 | 66.9 |

| | | | | | | | | | | |
|--|---|-----|---|-----|---|-----|----|------|----|------|
| Meningkatkan kadar peratus pelancong ke negeri Kelantan | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 8 | 6.2 | 42 | 32.3 | 80 | 61.5 |
| Beri pendedahan terhadap masyarakat yang menetap di luar negeri Kelantan | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 6 | 4.6 | 37 | 28.5 | 87 | 66.9 |

Jadual 4.7: Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Memelihara Alat Muzik

Rebana Ubi

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Jadual 4.7 menunjukkan persepsi responden terhadap kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi. Terdapat beberapa pecahan soalan mengenai pandangan responden terhadap kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi yang telah diajukan kepada 130 orang responden. Antaranya, Rebana Ubi adalah simbolik masyarakat Melayu di Kelantan. Bukan itu sahaja, terdapat juga pecahan soalan seperti kumpulan pemuzik Rebana Ubi semakin berkurang dan alat muzik Rebana Ubi membantu genre muzik kotemporari dalam industri hiburan. Tambahan pula, terdapat pecahan soalan bagi menilai pandangan responden terhadap kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi seperti muzik Rebana Ubi merupakan pelengkap dalam upacara semangat padi. Pengkaji turut menilai pandangan responden terhadap kepentingan

memelihara Rebana Ubi melalui soalan Rebana Ubi bertujuan untuk sukatan pembelajaran golongan belia dan mengekalkan Rebana Ubi daripada dilanda kepupusan. Malah, terdapat juga pecahan soalan terhadap persepsi responden dalam kepentingan memelihara alat Rebana Ubi iaitu meningkatkan kadar peratus pelancong ke negeri Kelantan, menggalakkan pertumbuhan dalam IKS, dan memberi pendedahan terhadap masyarakat yang menetap di luar negeri Kelantan.

Jadual 4.7 menunjukkan Rebana Ubi sebagai simbolik bagi masyarakat Melayu di Negeri Kelantan. Seramai 79 orang iaitu 60.8% sangat setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi merupakan sebuah simbolik masyarakat Melayu di negeri Kelantan. 31 orang responden bersamaan 23.8% pula setuju dengan pernyataan berikut. Sungguhpun begitu, seramai 18 orang bersamaan 13.8% tidak pasti bahawa alat muzik Rebana Ubi merupakan sebuah simbolik bagi masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Bagi responden yang tidak setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi adalah sebuah simbolik bagi masyarakat Melayu di Kelantan adalah sifar bersamaan 0.0% manakala seramai dua orang iaitu 1.5% sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi merupakan sebuah simbolik atau lambang bagi masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, bilangan responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut berpendapat bahawa terdapat juga alat muzik tradisional yang lain turut dikatakan sebagai simbolik bagi masyarakat Melayu terutamanya masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Hal ini dapat dibuktikan lagi dengan pernyataan dari responden dimana,

“Ok...bagi sayalah kan..memang kita kena pelihara alat muzik tradisional sebab alat muzik tradisional ni sebahagian daripada warisan kita. Kalau takde alat muzik tradisional ni, maka golongan akan datang ni tak tahulah kekayaan budaya nenek moyang mereka dulu. Tapi, pada saya lah kan...aaa...tak semestinya Rebana Ubi ni jadi simbolik masyarakat Melayu di Kelantan. Ada je alat muzik tradisional lain yang bila kita sekali sebut je kita tau oooo ni milik orang Kelantan ni. Macam serunai saya amik contoh. Orang akan tahu oh serunai ni asal usul dia orang Kelantan yang cipta”.

(I3, 16 November Kajian Lapangan 2023)

Seterusnya, jadual 4.7 menunjukkan kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi kerana kumpulan pemuzik Rebana Ubi semakin berkurangan. Seramai 96 orang iaitu 73.8% sangat setuju dengan pernyataan bahawa kumpulan pemuzik Rebana Ubi semakin berkurangan. 28 orang bersamaan 21.5% setuju dengan pernyataan bahawa kumpulan pemuzik bagi Rebana Ubi semakin berkurangan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kekurangan perintis ataupun golongan muda yang akan mewarisi alat muzik tradisional Rebana Ubi adalah sedikit jumlahnya. Kebanyakan golongan muda terutamanya golongan muda yang menetap di sekitar kawasan Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan lebih tertarik untuk mempelajari alat muzik moden seperti gitar. Secara tidak langsung, perkara ini mengakibatkan kumpulan Rebana Ubi semakin sedikit di negeri Kelantan.

“Lo ni...memei kita dapat lihat lah... kumpule Rebana Ubi ni memei sikit. Dale satu ke duo kumpule jah di Kelantan ni. Punconyo dari budok mudo zame loni. Apa sayo bulih kato, budak kecik loni memei dok suko alat muzik tradisional. Demo suko alat muzik moden berbanding alat muzik tradisional. Saya boleh tunjuk contoh cucu sayo. Dok suko denge alat muzik tradisional sebabnyo dok minat. Yela, dio mulo-mulo kena ado minat baru la kito kato dia akan ado keinginan nok belajar main alat muzik tradisional ni. Tapi susohla gok budak muda loni. Kito ajar gano skali pun tapi kalau demo dok minat memei susohla...”

(11, 23 Oktober Kajian Lapangan 2023)

Bukan itu sahaja, jumlah responden yang tidak setuju dengan pernyataan bahawa kumpulan pemuzik bagi alat muzik tradisional Rebana Ubi semakin berkurang adalah sifar bersamaan 0.0% peratus manakala jumlah responden yang sangat tidak setuju juga adalah sifar bersamaan 0.0% bagi pernyataan dimana kumpulan bagi penggiat seni Rebana Ubi sangat sedikit jumlahnya. Jelaslah dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden yang mengikuti soal selidik iaitu seramai 120 orang responden bersamaan 92.3% amatlah setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi perlu dipelihara akibat daripada jumlah kumpulan pemuzik bagi Rebana Ubi sangat sedikit pada zaman kini.

Bukan iitu sahaja, jadual 4.7 menunjukkan persepsi responden terhadap kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi kerana Rebana Ubi bertujuan untuk sukatan pembelajaran golongan belia. Seramai 60 orang bersamaan 46.2% sangat setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi bertujuan untuk sukaran pembelajaran golongan belia. Selain itu, seramai 39 orang bersamaan 30.0% setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi membantu dalam sukatan pembelajaran golongan belia. Maka, dapat disimpulkan bahawa seramai 99 orang responden iaitu 76.2% telah bersetuju alat muzik Rebana Ubi ini digunakan untuk sukatan pembelajaran golongan belia. Hal ini dapat dibuktikan lagi melalui temubual bersama responden iaitu

Walau bagaimanapun, seramai 24 orang responden iaitu 18.5% tidak pasti dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi adalah bertujuan untuk sukatan pembelajaran golongan belia. Lima orang responden pula bersamaan 3.8% tidak setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi bertujuan untuk sukatan pembelajaran golongan belia. Manakala dua orang responden sahaja bersamaan 1.5% yang sangat tidak setuju dengan pernyataan alat muzik tradisional Rebana Ubi penting untuk dipelihara kerana lat muzik tradisional tersebut bertujuan untuk sukatan pembelajaran golongan belia.

Jadual 4.7 turut memaparkan kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi bagi mengelakkan Rebana Ubi dilanda kepupusan. Seramai 87 orang iaitu 66.9% sangat setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi amatlah penting untuk dipelihara untuk mengelakkan alat muzik tersebut

dilanda kepupusan. Selain itu, seramai 38 orang iaitu 29.2% setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi perlu dipelihara bagi mengelakkan alat muzik tersebut dilanda kepupusan. Perkara ini telah dikukuhkan lagi dengan pernyataan responden dimana:

“Alat muzik Rebana Ubi ni perlulah dijaga oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda di Kelantan yang akan mewariskan secara terus menerus alat muzik tradisional tersebut. Kalau golongan muda tak jaga, tak amik cakna, atau tak sayang alat muzik Rebana Ubi...satu hari memang akan pupus alat muzik ni. Jadi mereka inilah...aaaa..golongan mudalah yang bertanggungjawab untuk mempertahankan seni tradisional kita pada masa akan datang.”

(I4, 27 Oktober Kajian Lapangan 2023)

Walau bagaimanapun, seramai empat orang responden bersamaan 3.1% tidak pasti samaada Rebana Ubi penting untuk dipelihara bagi mengelakkan alat muzik tradisional tersebut dilanda kepupusan. Hanya seorang responden sahaja yang tidak setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi perlu dikekalkan agar dapat dielakkan dari dilanda kepupusan pada masa akan datang. Manakala sifar responden bersamaan 0.0% sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi perlulah dipelihara agar tidak dilanda kepupusan.

Tambahan pula, jadual 4.7 menunjukkan kepentingan memelihara Rebana Ubi bagi meningkatkan lagi kadar peratus pelancong ke negeri Kelantan. Seramai 80 orang iaitu 61.5% sangat setuju bahawa alat muzik Rebana Ubi membantu dalam meningkatkan kadar peratus pelancong ke negeri Kelantan. Seramai 42 orang responden bersamaan 32.3% pula setuju dengan pernyataan berikut. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, pemeliharaan alat muzik Rebana Ubi di negeri Kelantan mampu menarik perhatian para pelancong yang ingin melihat keunikan tersendiri alat muzik tersebut. Perkara ini telah dikuatkan lagi dengan pernyataan dimana,

“Alat muzik Rebana Ubi ni saya boleh cakap, kalau orang Kelantan, jaga betul-betul...aaa...pelihara betul-betul, ramai yang akan melawat negeri Kelantan semata-mata nak tengok sendiri Rebana Ubi ni depan mata. Manusia ni kalau minat atau berkeinginan tinggi nak tengok sesuatu perkara, mesti dia akan usahakan macam mana cara sekali pun. Jadi apabila kita promosikan alat muzik tu, orang dari jauh meamng akan datanng untuk tengok alat muzik Rebana Ubi ni. Lebih-lebih lagi Rebana Ubi ni alat muzik yang sangat besar...”

(12, 16 Oktober Kajian Lapangan 2023)

Sungguhpun begitu, seramai 8 orang bersamaan 6.2% tidak pasti bahawa alat muzik Rebana Ubi mampu meningkatkan kadar peratus pelancong ke negeri Kelantan. Bagi responden yang tidak

setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi meningkatkan kadar peratus pelancong ke negeri Kelantan adalah sifar bersamaan 0.0% begitu juga dengan jumlah responden yang sifar dimana mereka tidak setuju dengan pernyataan berikut.

Jadual 4.7 turut menunjukkan kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi kerana alat muzik Rebana Ubi memberi pendedahan terhadap masyarakat yang menetap di luar negeri Kelantan. Seramai 87 orang iaitu 66.9% sangat setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi memberi pendedahan terhadap masyarakat yang menetap di luar negeri Kelantan. 37 orang bersamaan 28.5% setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik tradisional Rebana Ubi memberi pendedahan kepada masyarakat yang menetap di luar negeri Kelantan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana alat muzik Rebana Ubi merupakan sebahagian daripada warisan budaya di negeri Kelantan yang unik. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan salah seorang responden dimana,

“Memang betul. Rebana Ubi perlu dijaga supaya kita dapat beri pendedahan alat muzik tradisional negeri Kelantan kepada masyarakat yang tinggal di luar negeri Kelantan. Tak semua orang tahu akan kewujudan alat muzik Rebana Ubi. Jadi apabila kita kata...kita jaga sebaiknya alat muzik ni, kita dapat ajar masyarakat luar negeri Kelantan bahawa negeri Kelantan ni ada banyak warisan yang unik-unik. Salah satunya Rebana

Ubi lah. Jadi secara tak langsung, kita dapat dedahkan kepada umum dan kita dapat beri ilmu manfaat yang baharu kepada orang yang menetap di luar negeri Kelantan.”

(I3, 28 November Kajian Lapangan 2023)

Namun begitu, seramai 6 orang responden bersamaan 4.6% tidak pasti bahawa alat muzik Rebana Ubi mampu memberi pendedahan terhadap masyarakat yang menetap di luar negeri Kelantan. Bagi responden yang tidak setuju dengan pernyataan bahawa alat muzik Rebana Ubi penting untuk dipelihara bagi memberi pendedahan kepada masyarakat di luar negeri Kelantan adalah sifar bersamaan 0.0% begitu juga dengan jumlah responden tidak setuju dengan pernyataan berikut iaitu sifar bersamaan 0.0%.

4.3 Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Memelihara Rebana Ubi

| Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Memelihara Rebana Ubi | Skala | | | | | | | | | |
|--|-------|-----|---|-----|----|------|----|------|----|------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Kumpulan pembuat Rebana Ubi mengadakan bengkel secara terbuka dari segi pembuatannya | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 14 | 10.8 | 30 | 23.1 | 86 | 66.2 |
| Pengkaji alat muzik menulis buku berkaitan alat muzik tersebut dengan lebih | 0 | 0.0 | 0 | 0.0 | 8 | 6.2 | 40 | 30.8 | 82 | 63.1 |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|-----|---|-----|----|------|----|------|----|------|
| mendalam | | | | | | | | | | |
| Institusi pendidikan menawarkan kursus bagi subjek pembuatan alat muzik | 1 | 0.8 | 1 | 0.8 | 7 | 5.4 | 33 | 25.4 | 88 | 67.7 |
| Individu menyelidik alat muzik Rebana Ubi dari segi etnomusikologi dan organologi | 1 | 0.8 | 0 | 0.0 | 14 | 10.8 | 40 | 30.8 | 75 | 57.7 |
| Pihak kerajaan menyediakan dana sewajarnya bagi projek preservasi dan pemuliharaan alat muzik tradisional | 0 | 0.0 | 2 | 1.5 | 12 | 9.2 | 32 | 24.6 | 84 | 64.6 |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|-----|---|-----|---|-----|----|------|----|------|
| Ibubapa menggalakkan anak-anak menyertai program kesenian yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan | 0 | 0.0 | 1 | 0.8 | 9 | 6.9 | 36 | 27.7 | 84 | 64.6 |
|---|---|-----|---|-----|---|-----|----|------|----|------|

Jadual 4.8: Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Memelihara Alat Muzik
Rebana Ubi

Sumber: Kajian Lapngan 2023

Jadual 4.8 menunjukkan peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi. Terdapat tujuh pecahan soalan yang telah dihasilkan oleh pengkaji bagi menilai kefahaman para responden terhadap peranan pihak berwajib dalam pelihara alat muzik tradisional Rebana Ubi. Antara soalan yang telah diajukan kepada para responden adalah kumpulan pembuat Rebana Ubi mengadakan sebuah bengkel secara terbuka dari segi bengkel pembuatannya bagi memelihara alat muzik tradisional tersebut. Tambahan pula, terdapat juga pecahan soalan seperti pengkaji alat muzik menulis buku berkaitan alat muzik Rebana Ubi dengan lebih mendalam dalam memelihara Rebana Ubi. Pengkaji turut menilai kefahaman responden terhadap peranan

pihak berkepentingan memelihara Rebana Ubi melalui soalan institusi pendidikan menawarkan kursus bagi subjek pembuatan alat muzik. Di samping itu, individu menyelidik alat muzik Rebana Ubi dari segi etnomusikologi dan organologi dalam memelihara alat muzik tradisional Rebana Ubi. Bagi menilai dengan lebih lanjut kefahaman responden terhadap peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi, pengkaji turut mengajukan soalan seperti pihak kerajaan menyediakan dana sewajarnya bagi projek preservasi dan pemuliharaan alat muzik tradisional dan ibubapa menggalakkan anak-anak menyertai program kesenian yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan. Malah, terdapat juga pecahan soalan bagi peranan pihak berkepentingan seperti pihak media iaitu stesen radio dan penerbit rancangan mempromosikan alat muzik Rebana Ubi secara berleluasa dalam memelihara Rebana Ubi.

Bukan itu sahaja, jadual 4.8 juga menunjukkan peranan pihak berkepentingan iaitu kumpulan pembuat Rebana Ubi mengadakan bengkel pembuatan alat muzik Rebana Ubi secara terbuka dalam memelihara alat muzik tradisional tersebut. Seramai 86 orang responden bersamaan 66.2% sangat setuju dengan pernyataan bahawa kumpulan pembuat Rebana Ubi perlu mengadakan bengkel secara terbuka dari segi pembuatannya agar alat muzik tersebut terus kekal terpelihara. 30 orang iaitu 23.1% pula setuju dengan pernyataan bahawa peranan pihak berkepentingan iaitu kumpulan pembuat Rebana Ubi mengadakan bengkel secara terbuka dari segi pembuatannya. Hal ini dikatakan sebegini adalah kerana kumpulan pembuat Rebana Ubi yang

mengadakan bengkel pembuatan Rebana Ubi secara terbuka mampu menggalakkan orang ramai dalam mempelajari menghasilkan sesebuah alat muzik Rebana Ubi. Secara tidak langsung, golongan muda yang mengikuti program sebegini akan berasa berminat dan sekali gus mampu menjadi pelapis pembuat alat muzik tradisional pada masa akan datang. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan dari responden dimana,

“Pada pendapat saya, jika kita nak pelihara sesebuah alat muzik tradisional...kita kena mula dengan bengkel dulu. Misalnya, apabila penggiat seni ini menubuhkan atau mengadakan sebuah bengkel dalam pembuatan alat muzik tradisional lebih-lebih lagi alat muzik tradisional Rebana Ubi. Kita dapat galakkan orang ramai untuk belajar secara langsung tentang proses-proses yang perlu dilakukan dalam sesebuah pembuatan Rebana Ubi. Bengkel sebeginilah yang dapat beri pengalaman dan saling berkongsi pengetahuan tentang alat muzik Rebana Ubi. Secara tak langsung, bengkel pembuatan alat muzik tersebut dapat bantu mewarisi dan kukuhkan lagi tradisi pembuatan Rebana Ubi dari generasi ke generasi yang lain...”

(15, 29 November Kajian Lapangan 2023)

Sungguhpun begitu, seramai 14 orang bersamaan 10.8% tidak pasti dengan pernyataan dimana peranan pihak berkepentingan iaitu

kumpulan pembuat Rebana Ubi mengadakan bengkel secara terbuka dari segi pembuatannya. Jumlah responden yang tidak setuju dengan pernyataan bahawa pihak berkepentingan misalnya kumpulan pembuat Rebana Ubi mengadakan bengkel secara terbuka dari segi pembuatannya adalah sifar bersamaan 0.0% manakala jumlah responden yang sangat tidak setuju juga adalah sifar iaitu 0.0%.

Selain itu, jadual 4.8 menunjukkan pengkaji alat muzik menulis buku berkaitan alat muzik Rebana Ubi dengan lebih mendalam adalah salah satu peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi. Seramai 82 orang iaitu 63.1% sangat setuju dengan pernyataan dimana pihak berkepentingan iaitu pengkaji alat muzik perlu menulis buku berkaitan Rebana Ubi secara mendalam bagi memelihara alat muzik tersebut. 40 orang responden bersamaan 30.8% setuju dengan pernyataan pihak berkepentingan iaitu pengkaji alat muzik perlu menulis buku berkaitan Rebana Ubi secara mendalam bagi memelihara alat muzik Rebana Ubi. Oleh itu, seramai 122 orang responden bersamaan 93.8% bersetuju bahawa pengkaji alat muzik sewajarnya menulis buku berkaitan Rebana Ubi secara mendalam bagi memelihara alat muzik tradisional tersebut. Hal ini dapat dibuktikan melalui responden dimana,

“Pengkaji atau penulis buku berkaitan alat muzik tradisional sewajarnya menghasilkan buku ilmiah secara mendalam terhadap alat muzik Rebana Ubi. Apa yang saya

boleh beri contoh...aaa... isi kandungan di dalam buku tersebut bukan sahaja berisikan tentang sejarah atau perkembangan alat muzik Rebana Ubi, malah penulis buku boleh menekankan mengenai cara bermain Rebana Ubi...notasi lagu Rebana Ubi...dan pembuatan Rebana Ubi itu tersendiri. Langkah sebeginilah yang dapat kita berkongsi bersama-sama ilmu baharu. Bukan itu sahaja, buku tersebut yang dilengkapi dengan pelbagai panduan atau info penting dapat membantu pengkaji lain pada masa akan datang...”

(15, 29 November Kajian Lapangan 2023)

Tambahan pula, seramai 8 orang responden iaitu 6.2% yang tidak pasti jika peranan pihak berkepentingan seperti pengkaji alat muzik menghasilkan sebuah buku berkaitan alat muzik tersebut dengan lebih mendalam mampu memelihara alat muzik tersebut daripada terus dilupakan oleh generasi akan datang. Manakala bagi responden tidak setuju dan responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut adalah sifar atau 0.0%.

Di samping itu, jadual 4.8 juga menunjukkan peranan pihak berkepentingan iaitu institusi pendidikan menawarkan kursus bagi subjek pembuatan alat muzik dalam memelihara Rebana Ubi. Seramai 88 orang iaitu 67.7% sangat setuju dengan pernyataan bahawa institusi pendidikan menawarkan kursus bagi subjek pembuatan alat muzik adalah peranan pihak berkepentingan memelihara Rebana Ubi. Selain

itu, 33 orang bersamaan 25.4% setuju dengan pernyataan dimana peranan pihak berkepentingan dalam memelihara alat muzik Rebana Ubi adalah melalui isntitusi pendidikan menawarkan kursus bagi subjek pembuatan alat muzik. Sungguhpun begitu, seramai 7 orang bersamaan 5.4% tidak pasti bahawa isntitusi pendidikan menawarkan kursus bagi subjek pembuatan alat muzik adalah salah satu peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi. Manakala hanya seorang responden sahaja bersamaan 0.8% yang tidak setuju dan hanya seorang responden iaitu 0.8% sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa isntitusi pendidikan menawarkan kursus bagi subjek pembuatan alat muzik adalah salah satu peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi. Perkara ini dikukukan lagi dengan pernyataan dari responden iaitu,

“Pada saya, Rebana Ubi ini tidak boleh masuk dalam subjek atau silibus pembelajaran di institusi pengajian... aaa.. lebih-lebih lagi teknik pembuatan alat muzik Rebana Ubi. Kenapa saya kata begini? Sebab Rebana Ubi ni dia besar... orang yang pakar buat Rebana Ubi ni pun akan amik masa yang lama nak hasilkan sebuah Rebana Ubi sahaja. Belum lagi masuk bahagian kita nak finishing Rebana Ubi tu...haa... kita kalau nak ajar student, kita kena buat benda tu betul-betul. Jadi tempoh masa yang agak lama tu amat merugikan masa lah. Memang bagus ada subjek tawaran macam ni. Tapi tidak sesuailah kalau dalam silibus tu ada penghasilan Rebana Ubi sebab nak siapkan sebiji Rebana Ubi pun dalam 2 minggu tanpa henti.”

Jadual 4.8 memaparkan peranan pihak berkepentingan iaitu individu menyelidik alat muzik Rebana Ubi dari segi etnomuzikologi dan organologi bagi memelihara Rebana Ubi. Seramai 75 orang iaitu 57.7% sangat setuju bahawa pihak berkepentingan termasuklah individu menyelidik alat muzik Rebana Ubi dari segi etnomuzikologi dan organologi bagi memelihara muzik Rebana Ubi. Seramai 40 orang responden bersamaan 30.8% pula setuju dengan pernyataan berikut. Hal ini dikatakan sedemikian adalah kerana, individu yang menyelidik alat muzik tradisional secara etnomuzikologi dan organologi membantu masyarakat dalam memahami alat muzik tersebut dengan lebih terperinci. Perkara ini telah dikuatkan lagi dengan pernyataan dimana,

“Setiap individu yang kaji sesuatu alat muzik tradisional misalnya Rebana Ubi dengan lebih dalam dari segi etnomuzikologinya mahupun organologinya bukan sahaja membantu golongan muda lebih mengenali alat muzik tersebut. Malah dapat dijadikan sebagai rujukan utama bagi masyarakat yang ingin mengetahui dengan lebih terperinci mengenai alat muzik Rebana Ubi. Dalam erti kata yang lain, jika ada penyelidikan yang mendalam mengenai organologi yang terdiri daripada saiz temalang Rebana Ubi atau... ukuran tepat Rebana Ubi... jadi sesiapa sahaja boleh hasilkan Rebana Ubi dengan mudah. Perkara macam inilah yang dapat ransang

orang ramai dalam perbanyakkan lagi penghasilan alat muzik tradisional Rebana Ubi...”

(L3, 28 November Kajian Lapangan 2023)

Namun, seramai 14 orang bersamaan 10.8% tidak pasti bahawa pihak berkepentingan termasuklah individu yang menyelidik alat muzik Rebana Ubi dari segi etnomuzikologi dan organologi mampu memelihara muzik Rebana Ubi. Bagi responden yang tidak setuju dengan pernyataan bahawa individu iaitu pihak berkepentingan yang menyelidik alat muzik Rebana Ubi dari segi etnomusikologi dan organologi mampu memelihara alat muzik tersebut adalah sifar iaitu 0.0%. Manakala jumlah responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut hanyalah seorang responden sahaja bersamaan 0.8%.

Tambahan pula, jadual 4.8 turut menunjukkan peranan pihak berkepentingan iaitu pihak kerajaan dalam menyediakan dana sewajarnya bagi projek preservasi dan pemuliharaan alat muzik tradisional. Seramai 84 orang responden bersamaan 64.6% sangat setuju dengan pernyataan bahawa pihak berkepentingan iaitu pihak kerajaan menyediakan dana sewajarnya bagi projek preservasi dan pemuliharaan alat muzik tradisional Rebana Ubi. 32 orang iaitu 24.6% pula setuju dengan pernyataan bahawa pihak kerajaan menyediakan dana sewajarnya bagi projek preservasi dan pemuliharaan alat muzik tradisional Rebana Ubi. Hal ini dikatakan sebegini adalah kerana

peruntukan atau dana memastikan kesinambungan dalam seni warisan. Maka, usaha untuk pemeliharaan Rebana Ubi dapat diteruskan dengan lebih berkesan. Hal ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan dari responden dimana,

“Dana yang disalurkan oleh kerajaan dalam membaik pulih Rebana Ubi ni kita boleh gunakan dalam pelbagai tujuan...aaa...termasuklah membangunkan sebuah pusat pemeliharaan Rebana Ubi. Dimana seperti yang boleh kita lihat, pusat pemeliharaan ini membantu dalam pengekalan yang berpanjangan bagi alat muzik Rebana Ubi kerana alat muzik ini akan dipelihara, dipulihara, dan dikelola dengan baik...”

Sungguhpun begitu, seramai 12 orang bersamaan 9.2% yang tidak pasti dengan pernyataan bahawa pihak berkepentingan iaitu pihak kerajaan perlu menyediakan dana sewajarnya bagi projek preservasi dan pemeliharaan alat muzik tradisional Rebana Ubi. Hanya 2 orang iaitu 1.5% pula tidak setuju dengan pernyataan bahawa pihak kerajaan perlu menyediakan dana sewajarnya bagi projek preservasi dan pemeliharaan alat muzik tradisional Rebana Ubi manakala responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut adalah sifar bersamaan 0.0%.

Jadual 4.8 juga menunjukkan peranan pihak berkepentingan iaitu ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak menyertai program kesenian yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan bagi memelihara Rebana Ubi. Seramai 84 orang iaitu 64.6% sangat setuju dengan pernyataan dimana pihak berkepentingan iaitu ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai program kesenian yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan bagi memelihara Rebana Ubi. Seramai 36 orang responden bersamaan 27.7% pula setuju dengan pernyataan pihak berkepentingan iaitu ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai program kesenian yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan bagi pemeliharaan Rebana Ubi. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pernyataan responden dimana,

“Usaha daripada ibubapa dalam galakkan anak-anak mereka untuk sertai program yang dianjurkan oleh pihak kami sememangnya satu langkah dalam pemeliharaan Rebana Ubi. Sukanya saya ingin tekankan disini, anak-anak yang sertai program seperti bengkel bermain alat muzik Rebana Ubi ini amat beruntung. Dorongan positif dari ibu bapa sendirilah yang menjadikan golongan muda yang akan memerintah pada suatu hari nanti menjadi minat dengan seni tradisional terutamanya seni muzik Rebana Ubi. Penglibatan anak-anak yang aktif dalam program warisan ini dapat pupuk minat dan cinta akan kesenian tempatan...”

(14, 27 Oktober Kajian Lapangan 2023)


Namun begitu, seramai 9 orang iaitu 6.9% tidak pasti dengan pernyataan dimana pihak berkepentingan misalnya ibu bapa yang menggalakkan anak-anak menyertai program kesenian yang anjuran pihak kerajaan dan institusi pendidikan mampu memelihara alat muzik tradisional Rebana Ubi. Hanya seorang responden sahaja bersamaan 0.8% yang tidak setuju dengan pernyataan tersebut manakala jumlah responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut adalah sifar.

4.4 Penghasilan Alat Muzik Rebana Ubi

Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai komponen-komponan yang terdapat dalam Rebana Ubi. Bahagian kedua pula adalah mengenai proses-proses pembuatan Rebana Ubi.

4.4.1 Komponen-Komponen Yang Terdapat Dalam Rebana Ubi

Terdapat sembilan komponen utama yang boleh dilihat dalam alat muzik tradisional Rebana Ubi. Antara komponen utama tersebut adalah kulit kerbau, rotan Gambir, tali, temelang atau badan Rebana Ubi, peletak Rebana Ubi dan peletak baji.



Rajah 4.1 : Komponen-Komponen Yang Terdapat Dalam Rebana Ubi

| Label | Komponen |
|-------|------------------------------|
| 1 | Kulit kerbau lapisan pertama |
| 2 | Tali |
| 3 | Kulit kerbau lapisan kedua |
| 4 | Temelang |
| 5 | Rotan Gambir |
| 6 | Baji |
| 7 | Penutup Muka Rebana Ubi |
| 8 | Peletak Rebana Ubi |
| 9 | Peletak Baji |

Jadual 4.9: Label-Label Setiap Komponen Yang Terdapat Dalam Rebana Ubi

4.4.2 Proses-Proses Pembuatan Rebana Ubi

Penghasilan sesebuah Rebana Ubi memerlukan ketekunan dan semangat yang tinggi disebabkan oleh proses pembuatannya yang rumit dan sukar. Terdapat beberapa proses yang perlu dilakukan bagi menghasilkan sebuah Rebana Ubi. Antara proses yang terlibat dalam pembuatan Rebana Ubi adalah proses pemilihan bahan mentah, proses pembuatan kulit Rebana Ubi, proses pembuatan temalang Rebana Ubi, proses penghasilan kayu baji, proses pencantuman Rebana Ubi, dan proses kekemasan akhir.

a) Proses Pemilihan Bahan Mentah

| Senarai Bahan Mentah | Fungsi |
|----------------------|---|
| Kulit Kerbau | Penghasilan kulit Rebana Ubi |
| Kayu Merbau | Penghasilan temalang |
| Cecair kimia | Permethrin |
| Kayu Leban | Penghasilan baji dan baji anak |
| Rotan Manau | Pelapik temalang bahagian bawah dan pelapik pada bibir temelang |
| Tali Nilon | Mengikat kulit lapisan pertama |
| Rotan Segas Emas | Mengikat kulit lapisan kedua |

Jadual 4.10: Senarai Bahan Mentah

Sebanyak dua keping kulit kerbau jantan diperlukan untuk penghasilan permukaan kulit Rebana Ubi. Sungguhpun begitu, kerbau jantan tersebut haruslah kerbau yang sudah berusia lebih dua tahun. Kulit kerbau jantan tersebut berwarna cerah seakan-akan warna tembaga dan mempunyai bulu yang halus. Malah cara pemakanan harian kerbau tersebut turut mempengaruhi kulit Rebana Ubi. Kerbau jantan tersebut perlu makan makanan organik sahaja seperti rumput dan tidak boleh memakan dedak haiwan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, kerbau yang terpilih mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan akan mempengaruhi kualiti permukaan kulit Rebana Ubi dan bunyi yang akan terhasil. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan informen dimana,

“Ok.. dia..kulit kerbau ni kerana ketebalan. Nak ketebalan kulit tu.. kulit lembu pun boleh guna tapi suaralah akan lari..kualiti bunyi lain.. kulit lembu ni tak tebal mcm kulit kerbau...kulit lembu ni senang koyak...kulit kerbau susah koyak... tapi... bukan semua kulit kerbau boleh guna...kita nak kulit terpilih juga..sebab kakau kulit tak terpilih bermakna tak sampai 10 tahun kulit tu dah terkoyak...nak boleh siap rebana sebiji tu makan masa... kerbau terpilih tu macam ni...kerbau sekarang ni sekurang-kurangnya harga rm5000. Kerbau muda takdok ketahanan. Kulit dia nipis. Kalau nak pilih kulit rebana yangg kualiti...contohnya, kita pilih warna kerbau...kalau kerbau warna bulu dia hitam panjang, kulit dia tak akan jadi cantik.

Dia nak kulit kerbau ni nak kulit lekyik atau kenyal...bulu dia cerah seakana-akan wrna tembaga...bulu dia halus. Kerbau pula, ibu atau betina dokleh guna. Kena kulit jantan. Pah kulit kerbau ni... kena kerbau cengik...tanduk dia tu kutub... kerbau umur 2 tahun... baru la kualiti kulit tu tahan...kalau kerbau muda mudah koyak...kalau nak kualiti semua-semua tu memei susah la... cuma kita kena pilih kulit yang betul-betul..."

(11, 23 Oktober Kajian Lapangan 2023))


Kayu Merbau diperlukan untuk menghasilkan temalang atau badan Rebana Ubi. Terdapat dua jenis kayu Merbau iaitu Merbau Darah (Intsia bijuga) dan Merbau Tembaga (Instia palembanica). Kayu Merbau Darah akan dipilih oleh pembuat Rebana Ubi oleh kerana jenis kayu tersebut mempunyai kepadatan yang tinggi, daya ketahan yang lebih tinggi dan tidak mudah mereput dalam tempoh jangka masa yang panjang. Hal ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan informern dimana,

"Ok...dia kayu ni masalah kayu... nok kayu katahanan... aaa... buke kato kayu lain dokleh buat, boleh buat...mace pertamo kualiti ketahanan tak padat la... bermakna kayu Rebana Ubi yang sesuai kayu merbau lah... merbau ni dua jenis... merbau darah dan Merbau Tembaga... bermakna kayu lain pun boleh...cumo kita nak kualiti kayu sebab Rebana Ubi susah nak buat... kalau kita buat kayu biasa-biasa, ketahanan tu tak

terjaminlah...mudah reput, kena make bubuk... kalau merbau sampai 200 dia tahan. Tapi berat la sikit.”

(11, 23 Oktober Kajian Lapangan 2023)

Bagi penghasilan baji pula, kayu Leban (*Vitex Pinnata*) diperlukan menghasilkan 14 batang baji dan 14 baji anak. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kayu pokok Leban merupakan kayu yang mudah untuk dipotong namun tahan lasak dan tidak mudah mereput. Bukan itu sahaja, rotan manau juga digunakan sebagai pelapik temalang yang akan diletakkan pada bahagian bawah Rebana Ubi dan pelapik pada bibir temalang. Rotan Manau digunakan dalam pembuatan Rebana Ubi kerana rotan tersebut mudah untuk dilenturkan sekali gus mempunyai daya ketahanan yang tinggi apabila diketuk dengan kuat. Tambahan pula, tali Nilon berdiameter sebanyak 4.4mm digunakan untuk mengikat kulit kerbau lapisan pertama dan Rotan Manau. Apabila rotan Manau tersebut diikat, bahagian bawah temalang dipanggil sebagai Peleting. Tali Nilon ini berperanan dalam menarik lapisan kulit pertama dengan tegang supaya mudah untuk proses penalaan (tuning). Seterusnya, rotan Segga Emas pula digunakan untuk mengikat kulit lapisan kedua. Rotan Segga Emas ini akan diikat pada peleting setelah Rebana Ubi tersebut telah melalui proses penalaan oleh pembuat Rebana Ubi.



Rajah 4.2: Penghasilan Kulit Rebana Ubi

Berdasarkan Rajah 4.2, terdapat beberapa proses yang akan dilakukan dalam penghasilan kulit Rebana Ubi. Proses pertama adalah proses penjemuran. Pada bahagian ini, bahagian hujung kulit kerbau akan ditebuk menggunakan pahat dan diikat menggunakan tali nilon. Seterusnya, kulit kerbau tersebut akan dijemur di atas papan pemedang sehingga kulit tersebut menjadi kering. Proses penjemuran dibawah cahaya matahari mengambil masa dari tiga hari ke empat hari. Setelah kulit tersebut kering, kulit tersebut akan ditumbuk dengan menggunakan tukul kayu. Proses ini dilakukan bagi memastikan kulit tersebut lembut dan mudah untuk ditebuk.


Rajah 4.2 menunjukkan pembuatan kulit kerbau lapisan pertama. Garisan merah merujuk kepada kulit yang ditanda mengikut saiz permukaan temalang dan dilabel dengan 'I' untuk mendapatkan ukuran diameter permukaan kulit tersebut. Garisan menegak ditanda

menggunakan warna kuning yang berukuran 15cm pada setiap penjuru permukaan bulat kulit tersebut. Hujung garisan menegak tersebut ditanda dengan warna biru dan disambungkan dengan garisan menegak yang lain dalam bentuk membulat. Garisan membulat yang terhasil akan dilabel sebagai 'II'. Kulit yang dilabel sebagai 'III' pula akan ditebuk menggunakan pahat untuk menghasilkan lubang tali dan rotan. Lubang pada label 'III' tersebut adalah sepanjang 2 cm.

Kulit kerbau lapisan kedua turut dihasilkan mengikut proses yang telah dilakukan pada kulit kerbau lapisan pertama. Seterusnya, kulit kerbau lapisan kedua akan dipotong pada bahagian yang telah dilabel sebagai 'II'. Rotan Manau pula akan diletakkan di atas permukaan lapisan kedua kulit kerbau. Kulit kerbau lapisan kedua tersebut akan membaluti rotan sepenuhnya. Setelah kulit tersebut membaluti kayu rotan, empat kayu pemacak akan ditusukkan pada setiap lubang yang telah dilabel sebagai 'III'. Setelah itu, lebihan kulit yang dilabel sebagai 'II' akan digunting dan dibuang. Lapisan kedua kulit kerbau disimpang untuk proses pencantuman Rebana Ubi.


a) Proses Pembuatan Temalang Rebana Ubi

Terdapat beberapa proses yang akan dilakukan dalam pembuatan temalang Rebana Ubi. Antaranya proses pengukuran dan penandaan, proses pemotongan kayu, dan proses perendaman temalang.



Rajah 4.3: Pembuatan Temelang

Permukaan Atas



Rajah 4.4: Pembuatan

Temelang Permukaan Bawah


Rajah 4.3 menunjukkan pengukuran dan penandaan pada permukaan atas bongkah kayu Merbau. Berdasarkan Rajah 4.3, garisan merah menunjukkan ukurlilit permukaan atas bongkah kayu Merbau. Garisan bulatan berwarna biru merupakan diameter bagi Rebana Ubi yang berukuran 30 inci atau 76.2 cm. Bagi menghasilkan bulatan garisan biru pada Rajah 4.3, pembuat Rebana Ubi mencari titik tengah untuk menentukan jejari Rebana Ubi. Ukuran jejari berwarna kuning pada Rajah 4.3 berukuran sepanjang 15 inci atau 38.1 cm. Seterusnya, garisan hijau pada Rajah 4.3 menunjukkan ketebalan bibir temelang yang diukur dan ditanda bagi menghasilkan sebuah garisan membulat. Ketebalan bibir temelang tersebut berukuran sepanjang 3 inci atau 7.62cm. Langkah pengukuran dan penandaan yang sama turut dilakukan pada permukaan bawah bongkah kayu Merbau. Namun, terdapat perbezaan dari segi ukurlilit permukaan bawah bongkah kayu tersebut. Misalnya, pada Rajah 4.4, diameter permukaan bawah bongkah kayu Merbau yang diwarnakan dengan warna biru adalah sepanjang 20 inci atau 50.8 cm manakala jejari permukaan bawah

bongkah kayu yang ditanda dengan warna kuning tersebut adalah sepanjang 10 inci atau 25.4 cm.

Setelah bongkah kayu Merbau itu selesai diukur dan ditanda, bongkah kayu tersebut perlu dipotong menggunakan mesin larik. Apabila mesin larik menggerakkan bongkah tersebut secara berpusing, bongkah kayu tersebut akan dikikis oleh pembuat Rebana Ubi menggunakan pahat. Kayu Merbau akan dikikis sehingga mencapai garisan bulatan berwarna merah pada permukaan atas kayu Merbau dan garisan bulatan berwarna biru pada permukaan bawah kayu Merbau.

Selain itu, pembuat Rebana Ubi akan membuang bahagian dalam bongkah kayu Merbau dengan menggunakan mesin gergaji. Bahagian dalam bongkah kayu tersebut akan dipotong mengikut bentuk segi empat tepat namun tidak melebihi garisan bibir atas dan bawah temalang. Lebihan kayu Merbau tersebut kemudiannya dibuang menggunakan pahat dan penukul.

b) Proses Penghasilan Kayu Baji



Rajah 4.4 Ukuran Kayu Baji dan Baji Anak

Pada bahagian ini, pembuat Rebana Ubi menggunakan kayu Halban untuk menghasilkan baji dan baji anak. Rajah XX menunjukkan ukuran kayu Halban yang digunakan untuk menghasilkan baji. Kayu Halban diukur sepanjang 60 cm dan ditanda menggunakan warna merah untuk mendapatkan ukuran panjang baji yang diinginkan. Seterusnya, kelebaran kayu Halban diukur dan ditandakan menggunakan warna hijau. Namun begitu, kelebaran kayu Halban tersebut adalah tidak sama. Misalnya, kelebaran bahagian hujung baji yang akan dilekatkan pada temalang berukuran selebar 3 cm. Ukuran kelebaran bahagian tengah baji berukuran selebar 3.5 cm manakala ukuran kelebaran pada bahagian hujung baji yang akan diletakkan pada peletak baji pula berukuran selebar 4 cm. Sungguhpun begitu, ketinggian bagi kayu baji ypada bahagian hujung adalah

setinggi 8 cm manakala ketinggian baji yang akan diletakkan pada bahagian temelang adalah setinggi 4 cm.

Selain itu, Rajah 4.4 turut menunjukkan ukuran kayu Halban untuk menghasilkan baji anak. Kayu Halban diukur sepanjang 25 cm dan ditanda menggunakan warna merah untuk mendapatkan ukuran panjang baji anak. Kelebaran baji anak adalah sama seperti kelebaran baji iaitu kelebaran bahagian hujung baji anak yang akan dilekatkan pada temelang berukuran selebar 3 cm. Ukuran kelebaran bahagian tengah baji anak berukuran selebar 3.5 cm manakala ukuran kelebaran pada bahagian hujung baji anak yang akan diletakkan pada peletak baji pula berukuran selebar 4 cm. Sungguhpun begitu, ketinggian baji anak adalah tidak sama seperti baji. Misalnya, ketinggian baji anak pada bahagian hujung adalah setinggi 2 cm. Ketinggian baji anak pada bahagian tengah pula adalah setinggi 5 cm dan ketinggian baji anak yang akan diletakkan pada temelang berukuran selebar 4 cm. Setelah kayu Halban diukur dan ditanda untuk menghasilkan baji dan baji, kayu tersebut akan dipotong mengikut ukuran yang telah terhasil. Kayu Hlaban tersebut akan dipotong menggunakan mesin gergaji halus.

c) Proses Pencantuman Rebana Ubi

Pada bahagian ini, kulit kerbau lapisan pertama telah ditebuk pada bahagian hujung menggunakan pahat. Seterusnya, kulit kerbau lapisan pertama tersebut akan diletakkan di atas temelang. Kemudian kulit kerbau ini akan diikat dengan menggunakan tali Nilon dan disimpulkan pada bahagian rotan Manau yang terletak pada bahagian bawah Rebana Ubi. Sebelum simpulan tali Nilon diketatkan, pembuat Rebana Ubi akan meletakkan baji dan baji anak diantara bibir temelang Rebana Ubi dan rotan Manau yang terletak di bahagian bawah Rebana Ubi tersebut. Setelah 14 baji dan 14 baji anak diletakkan secara berselang-seli antara lima lilitan tali Nilon, pembuat Rebana Ubi akan menguji atau menala Rebana Ubi tersebut. Pembuat Rebana Ubi akan memukul permukaan kulit sehingga menghasilkan bunyi nyaring yang diinginkan. Setelah proses penalaan selesai, ikatan tali Nilon diketatkan dan simpulan tali tersebut dimatikan.

Seterusnya, lapisan kedua kulit kerbau yang telah dihasilkan, akan diletakkan di atas lapisan pertama kulit kerbau yang telah diikat pada temelang Rebana Ubi. Kemapat-empat kayu pemacak pada lapisan kedua kulit kerbau tersebut kemudiannya dicabut satu-persatu setelah lapisan kedua kulit kerbau tersebut telah diikat menggunakan rotan Segam Emas. Baji dan baji anak diketuk kedalam temelang menggunakan tukul kayu supaya dapat menegangkan rotan Segam yang membaluti temelang Rebana Ubi. Permukaan lapisan kedua kulit kerbau tersebut akan diuji oleh pembuat Rebana Ubi bagi memperoleh

bunyi nyaring yang diinginkan. Ikatan rotan Sega Emas yang akan berakhir pada bahagian bawah temelang akan dimatikan dengan teknik penyimpulan. Hujung rotan tersebut seterusnya disimpulkan dan diantara lapisan yang telah membaluti rotan Manau.

d) Proses Kekemasan Akhir

Proses kekemasan akhir melibatkan pewarnaan pada bahagian permukaan kulit kedua Rebana Ubi, baji, dan baji anak. Terdapat corak atau ukiran yang bermotifkan flora seperti Bunga Raya dan daun yang akan diwarnakan menggunakan cat air pada permukaan setiap bahagian Rebana Ubi. Rebana Ubi yang telah diwarnakan akan dijemur di bawah cahaya matahari untuk membiarkan cat warna tersebut menjadi kering. Setelah itu, Rebana Ubi akan diuji semula oleh pembuat Rebana Ubi dari segi penalaan (tuning). Perkara ini dilakukan bagi memastikan bunyi yang akan terhasil memenuhi piawaian irama yang diinginkan. Seterusnya, Rebana Ubi akan disimpan dalam pembungkus khas untuk mengelakkan alat muzik tersebut menjadi rosak.

4.5 Penutup

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga objektif yang telah dijalankan oleh pengkaji melalui kajian lapangan telah tercapai meskipun terdapat beberapa batasan ketika proses pengumpulan data dijalankan. Hasil kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif telah membantu pengkaji dalam kutipan data. Pengkaji telah menemu bual seramai lima orang informan. Melalui

kaedah ini, pengkaji memperolehi meklumat dengan lebih mendalam mengenai pembuatan alat muzik Reabana Ubi. Bukan itu sahaja, kaedah kuantitatif yang dijalankan oleh pengkaji turut melibatkan seramai 130 orang responden yang terdiri daripada masyarakat di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Kajian ini membincangkan tentang persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan alat muzik Rebana Ubi. Kajian ini merangkumi lima bab iaitu bab satu terdiri daripada pengenalan kajian yang dilakukan. Bab dua pula adalah kajian literatur dan kerangka teori kajian manakala bab tiga pula adalah metodologi kajian. Selain itu, bab empat merupakan hasil dapatan kajian manakala bab lima pula adalah perbincangan dan rumusan kajian.

5.1 Rumusan Bab

Kajian Persepsi Masyarakat di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan Terhadap Alat Muzik Rebana Ubi telah dijalankan bagi mengenal pasti kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi. Bukan itu sahaja, kajian ini turut dijalankan bagi mengkaji kepentingan memelihara alat muzik Rebana Ubi. Bukan itu sahaja, kajian ini juga turut dijalankan bagi menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi. Selain itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji penghasilan alat muzik tradisional Rebana Ubi. Oleh hal yang demikian, kajian ini mempunyai lima bab yang terdiri daripada subtopik-subtopik bagi memperolehi ketiga-tiga objektif tersebut.

Pada bab satu iaitu pendahuluan, bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan dan

objektif kajian, dan skop kajian. Seterusnya, bab ini juga menjelaskan kepentingan kajian ini terhadap individu, masyarakat, dan institusi pendidikan. Bagi bab dua pula, bab tersebut membincangkan kajian literatur. Kajian literatur tersebut terdiri daripada beberapa subtopik yang berbeza antaranya, sejarah perkembangan gendang di Malaysia, jenis rebana di Kelantan, dan Rebana Ubi. Bukan itu sahaja, subtopik tersebut juga terdiri daripada kepentingan pemeliharaan alat muzik dan peranan pihak berkepentingan memelihara alat muzik. Malah kajian literatur tersebut juga terdiri daripada subtopik berkaitan penghasilan alat muzik. Terdapat juga kerangka teori estetika yang telah digunakan bagi menganalisis nilai estetika yang tinggi dalam proses rumit bagi pembuatan alat muzik tradisional Rebana Ubi.

Selain itu, bab tiga membincangkan metodologi kajian serta kaedah menganalisis yang akan digunakan di dalam kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran (mixed method) iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif bagi memperolehi data primer dan data sekunder. Tambahan pula, kaedah pemerolehan data primer terdiri daripada kaedah pemerhatian, kaedah temu bual bersama responden, dan kaedah tinjauan melalui pengagihan borang soal selidik. Bagi kaedah pemerolehan data sekunder pula, kaedah ini terdiri daripada kaedah kepustakaan dan sumber internet. Kaedah persampelan dan responden kajian pula adalah kaedah persampelan bertujuan. Seterusnya, teknik menganalisis data yang telah digunakan adalah teknik analisis data deskriptif dan teknik analisis data tematik.

Bab empat menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai analisis dapatan kajian yang diperolehi melalui tinjauan soal selidik bersama 130 orang responden. Bahkan, analisis dapatan kajian turut diperolehi melalui temu bual bersama lima orang informen. Hasil daripada analisis tersebut mendapati bahawa pemahaman masyarakat di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan terhadap Rebana Ubi masih lagi rendah mengakibatkan Rebana Ubi penting untuk dipelihara. Selain itu, peranan utama pihak berkepentingan dalam memelihara Rebana Ubi adalah dengan cara institusi pendidikan menawarkan kursus bagi subjek pembuatan alat muzik Rebana Ubi, kumpulan pembuat Rebana Ubi mengadakan bengkel secara terbuka dari segi pembuatannya, dan ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai program kesenian yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan. Akhir sekali, terdapat beberapa proses yang akan dilakukan bagi penghasilan alat muzik Rebana Ubi.

5.2 Cadangan Mengekalkan dan Melestarikan Rebana Ubi Untuk

Generasi Akan Datang

Ketidak keprihatinan masyarakat terutamanya golongan muda terhadap alat muzik Rebana Ubi telah menjejaskan populasi atau komuniti kumpulan penggiat seni Rebana Ubi. Malah pendigitalan maklumat yang lebih mendalam mengenai alat muzik Rebana Ubi amatlah terhad sehinggakan alat muzik Rebana Ubi ini sukar untuk dijadikan sebagai sebuah bahan rujukan berbentuk ilmiah. Hasil

daripada kaedah pemerhatian yang dijalankan keatas penduduk di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan oleh pengkaji, generasi muda di kampung tersebut lebih memilih alat muzik moden seperti gitar dan drum sebagai sebuah medium hiburan pada waktu lapang. Malah, tiada lagi pelapis baharu dalam kalangan golongan muda di kampung tersebut yang berminat untuk menjadi penggiat seni yang menghasilkan alat muzik ensembel tersebut.

Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh pengkaji untuk menarik minat golongan muda bukan sahaja di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan tetapi juga minat golongan muda yang menetap di luar negeri Kelantan agar alat muzik Rebana ini terus terpelihara dan dikekalkan pada zaman teknologi akan datang. Antaranya, pengkaji mencadangkan bahawa sebuah permainan simulasi digital berasaskan alat muzik tradisional diwujudkan. Permainan digital yang boleh dimuat turun pada telefon pintar ini dapat menawarkan interaktif dan pengalaman yang memberansangkan dimana pengguna dapat meneroka pelbagai jenis alat muzik tradisional dan teknik bermain alat muzik tradisional tersebut. Malah, permainan digital ini juga memberi peluang kepada golongan muda dari negara lain untuk berinteraksi secara maya terhadap alat muzik Rebana Ubi. Hal sebegini bukan sahaja mengajar masyarakat muda di negara lain mengenai sejarah dan konteks budaya alat muzik Rebana Ubi melalui teks bermaklumat, video mahupun rakaman audio malah permainan digital ini turut dapat memperkenalkan kekayaan budaya yang dimiliki

oleh negara Malaysia terutamanya dalam instrumen muzik tradisional. Bukan itu sahaja, permainan digital ini juga turut memperkenalkan tutorial interaktif yang dapat membantu pengguna baharu terhadap cara untuk bermain instrumen alat muzik tersebut. Perkara ini membantu mereka berlatih dan meningkatkan kemahiran mereka dengan kaedah yang lebih menyeronokkan. Pengguna juga berpeluang dalam penciptaan sendiri muzik mereka menggunakan rentak irama muzik tradisional di dalam permainan simulasi digital tersebut. Tambahan pula, permainan digital ini juga menampilkan pencarian dan pertandingan dimana setiap pemain atau pengguna akan menggunakan daya kemahiran muzik mereka untuk mengatasi cabaran bagi mencapai matlamat tertentu. Simulasi permainan digital muzik tradisional ini dapat menambahkan unsur keseronokkan disamping mendidik pengguna baharu yang cuba untuk mendekati diri dalam muzik tradisional.

Bukan itu sahaja, sebuah perkampungan yang dinamakan sebagai Perkampungan Rebana Ubi diwujudkan dengan tujuan mempromosikan lagi salah satu warisan budaya yang kaya dari negeri Kelantan. Lokasi kampung tersebut dipilih dengan teliti bagi menyediakan suasana kehidupan kampung yang asli sehingga mampu menarik minat pengunjung dari domestik mahupun antarabangsa. Misalnya, beberapa buah rumah kediaman tetamu yang diperbuat daripada kayu dihasilkan bagi mempamerkan seni bina tradisional Melayu yang merupakan salah satu keistimewaan bagi perkampungan

ini. Bengkel pembuatan Rebana Ubi, aktiviti teori berkaitan Rebana Ubi, gelanggang persembahan, dan tempat penyelenggaraan Rebana Ubi merupakan pusat aktiviti utama di kawasan perkampungan ini. Secara tidak langsung, pengunjung berpeluang untuk merasai peluang keemasan dalam menyaksikan proses pembuatan Rebana Ubi secara berdepan iaitu dari segi pemilihan bahan-bahan utama penghasilan Rebana Ubi sehinggalah ke peringkat akhir proses pembuatan Rebana Ubi. Mereka juga diberi peluang untuk berinteraksi dengan tokoh-tokoh penggiat seni Rebana Ubi dan juga mencuba menghasilkan alat muzik tradisional Rebana Ubi secara sendiri di bawah bimbingan pakar. Di samping itu juga, ruang atau gelanggang persembahan khusus untuk muzik tradisional Rebana Ubi menyediakan tarikan menarik untuk pengunjung. Sebagai contoh, pemuzik tempatan dan kumpulan seni budaya menghiburkan pengunjung dengan persembahan muzik daripada ensemble Rebana Ubi. Perkara ini mampu menciptakan suasana menarik di perkampungan ini yang dipenuhi dengan irama dan harmoni muzik yang memukau pandangan. Bahkan, pameran interaktif yang memaparkan sejarah, budaya dan teknik bermain Rebana Ubi memberikan pengunjung gambaran mendalam terhadap kekayaan budaya Melayu. Pengunjung yang mengunjungi perkampungan Rebana Ubi tersebut akan mempelajari mengenai peranan Rebana Ubi dalam kehidupan masyarakat serta mencuba dengan sendiri untuk bermain alat muzik tradisional tersebut. Perkampungan Rebana Ubi yang merupakan destinasi pelancongan warisan budaya yang dianggap unik dan menarik ini turut menawarkan pengalaman yang menarik untuk

pengunjung dari semua peringkat umur dan latar belakang. Misalnya, aktiviti seperti bengkel teknik bermain Rebana Ubi membantu pengunjung dalam mengasah kemahiran bermain muzik tradisional. Hal ini menunjukkan bahawa perkampungan tersebut bukan sahaja tempat untuk menikmati muzik dan budaya Melayu tetapi juga tempat untuk menimba ilmu baharu, berinteraksi dan meraikan kekayaan warisan budaya yang wujud di Malaysia.

Akhir sekali, mengkomersialkan alat muzik tradisional Rebana Ubi secara besar-besaran mampu menghindari alat muzik tersebut daripada berada diambang kepupusan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kaedah pengkomersialan melalui kolaborasi dengan pihak lain melalui produk bersama adalah salah satu cara yang berkesan bagi pasaran Rebana Ubi. Penciptaan sebuah produk secara bersama mencipta sebuah peluang untuk memanfaatkan pengaruh dan pasaran kedua-dua belah pihak. Kolaborasi tidak hanya membawa bersama idea dari pelbagai pihak tetapi juga membuka peluang untuk meningkatkan kreativiti dan rekaan produk warisan Rebana Ubi. Sebagai contoh, pengiat seni Rebana Ubi menjalinkan kerjasama dengan artis tempatan dan jenama lain yang akan berkongsi nilai dan visi yang serupa. Secara tidak langsung, perkara ini membolehkan penghasilan produk mempunyai rekaan bentuk yang menarik dan unik. Sebagai contoh, pengusaha Rebana Ubi mengadakan kolaborasi bersama jenama lain seperti Syarikat Christy Ng Sdn. Bhd. mahupun Shawlpublika Sd. Bhd. yang dikenali sebagai syarikat pengeluaran fesyen wanita seperti bag

tangan dan tudung. Kolaborasi ini akan menghasilkan sebuah koleksi bag tangan edisi terhad yang terdiri daripada pelbagai warna dan corak Rebana Ubi pada permukaan bag tangan tersebut. Hal ini dapat mempamerkan keunikan seni warisan Rebana Ubi pada setiap rekaan produk yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut. Pengusaha Rebana Ubi dan syarikat pengeluar fesyen wanita tersebut turut dapat bersama-sama dalam menciptakan reputasi dan pencapaian baik masing-masing. Malah, kolaborasi sebegini akan menghasilkan sebuah keluaran produk yang lebih menarik dan memanfaatkan pengkalan peminat kedua-dua pihak disebabkan oleh permintaan yang tinggi dari peminat setia dan pengumpul tegar. Bukan itu sahaja, penggiat Rebana Ubi dan syarikat rakan kerjasama tersebut menganjurkan sebuah acara bagi pelancaran produk kolaborasi secara fizikal yang bertempat di pusat beli-belah mahupun secara atas talian. Secara tidak langsung, kolaborasi sebegini akan menyedarkan peminat dari kedua-dua belah pihak terhadap kelestarian warisan dalam era teknologi moden kini.

5.3 Penutup

Diharapkan agar kajian ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan baru kepada masyarakat serta pengkaji pada masa akan datang. Pengkaji juga berharap agar kajian ilmiah ini dapat memberi pendedahan kepada setiap lapisan masyarakat terhadap kepentingan memelihara Rebana Ubi terutamanya golongan muda yang bakal mewarisi warisan peninggalan nenek moyang mereka. Proses penghasilan Rebana Ubi di dalam kajian ini seharusnya menjadi titik mula dalam usaha bagi menarik lebih ramai penggiat seni atau

perintis dalam usaha meningkatkan lagi komuniti pembuat Rebana Ubi di Malaysia.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN



Permukaan Bawah Rebana Ubi



Pandangan sisi Rebana Ubi



Lapisan pertama kulit Rebana Ubi

RUJUKAN

- Ab. Aziz Shuaib, & Folasayo Enoch Olalere. (2013). *The Kelantan Traditional Arts as Indicators for Sustainability: An Introduction to its Genius Loci*. 93.
- Azmi, A. (2014). *Rentak Rebana: Sejarah Dan Perkembangannya Di Singapura* (H. Ahmad & S. Said, Eds.; 1st ed.). Perkumpulan Seni Singapura (Arts Group).
- Baharom, N. (2005). Estetika. In Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berliner. (1869). *Zeitschrift für Ethnologie*.
- Daniels, T. P. (2013). *Building Cultural Nationalism in Malaysia*. Routledge.
- Graham, W. A. (2017). *Kelantan*. Trieste Publishing.
- Mohd. Ghouse Nasruddin. (1992). *The Malay Traditional Music* (1st ed., pp. 1–60). Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).
- Matusky, P., & Tan Sooi Beng. (2017). *The Music of Malaysia* (pp. 222–224). Taylor & Francis.
- Miller, T., & Williams, S. (2011). *The Garland Handbook of Southeast Asian Music*. Routledge.
- Mohd. Taib Osman. (1988). *Bunga Rampai, Aspects of Malay Culture* (p. 208). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mohd Salleh, N. M., & Mohd Ghazali Abdullah. (2009). *Alat muzik tradisional dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Patricia Ann Matusky, & Sooi Beng Tan. (2012). *Muzik Malaysia : Tradisi Klasik, Rakyat Dan Sinkretik*. Penerbit Universiti Malaya.

- Redfield, R. (1962). *Human nature and the study of society* (pp. 231–253). Chicago & London.
- Sachs, C. (2006). *The History of musical instruments*. Dover Publications.
- Varèse, E., & Wen-chung, C. (1966). *The Liberation of Sound* (No. 1 (Autumn - Winter), Vol. 5, pp. 11–19). Perspectives of New Music
- Winzeler, R. L. (1985). *Ethnic Relations in Kelantan*. Oxford University Press, USA.
- Md Nasir, N. (2022). *Komuniti Sebagai Pelestarian Warisan Kebudayaan Rebana Kercing di Kampong Laut, Tumpat, Kelantan* (pp. 46–63) [Final Year Project], Universiti Malaysia Kelantan <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3746>
- Rosli, N. (2013). *Gambus Sebagai Seni Warisan Yang Perlu Dipelihara* [Project Report (B.Sc.)], Universiti Malaysia Sarawak <http://ir.unimas.my/id/eprint/18875>
- Nurul Aina Anisa Mohd Nor (2023) *Teknik Pembuatan Rebana Anak Di Tanjung Malim, Perak*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/13117>
- Noorazidin, M. N. A., & Raja Halid, R. I. (2023). Rebana Mangkuk Di Kampung Felda Kemahang 3 Tanah Merah Kelantan: Satu Kajian Organologi. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 11(1), 54–71. <https://Doi.Org/10.47252/Teniat.v11i1.1018>
- Nurul Syakirah Norhisham (2023) *Gendang Pahang : Melestarikan Persembahan , Peralatan Dan Penglibatan Generasi Muda*. Final Year Project Thesis, Universiti Malaysia Kelantan <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/13070>
- Makhtar, Zata Alwani (2022) *Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Pemeliharaan Permainan “Gendang” Tradisional Di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan

<http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3670>

Muhammad Firdhaus Othman (2021) *Kajian Terhadap Alat Muzik Serunai di Dalam Wayang Kulit di Kelantan*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia

Kelantan <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3956>

Yusop, S. H. (2015, December 25). “Amukan” Gema Rebana Ubi. *Berita Harian*.

[https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/12/107598/amukan-gema-](https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/12/107598/amukan-gema-rebana-ubi)

[rebana-ubi](https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/12/107598/amukan-gema-rebana-ubi)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN